**Jilid V**
**No. 38**

**Hari Khamis**
**6hb Februari, 1969**

# PERBAHATHAN PARLIMEN

## DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

### KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN[2] MULUT BAGI PERTANYAAN[2] [Ruangan 5573]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1969**

**Jawatan-kuasa:**

**Kepala 101 hingga 105 [Ruangan 5586]**

**Kepala 106 hingga 108 dan 118 [Ruangan 5595]**

**Kepala 109, 110, 111, 112, 113 dan 114 [Ruangan 5640]**

**Kepala 115 dan 116 [Ruangan 5681]**

DI-CHETAK DI-JABATAN CHETAK KERAJAAN
OLEH THOR BENG CHONG, A.M.N., PENCHETAK KERAJAAN
KUALA LUMPUR
1970

# DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

## PENGGAL YANG KELIMA

*Penyata Rasmi*

Hari Khamis, 6hb Februari, 1969

*Persidangan bermula pada pukul 10 pagi*

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

" Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).

" Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

" Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).

" Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

" Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).

" Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian,
" DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).

" Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).

" Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

" Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).

" Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

" TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

" TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

Yang Berhormat WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

" TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

" Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

" TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

" TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

" WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

" TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

" TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

" PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

" TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

" TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

" TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

" TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

" TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

" TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

" TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

" DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

" TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).

" TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

" TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

" WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).

" TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

" DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

" TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

" TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).

" TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

" PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

" TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

Yang Berhormat Tuan Thomas Kana, k.m.n. (Sarawak).
„ Tuan Khoo Peng Loong, o.b.e. (Sarawak).
„ Tuan Edmund Langgu anak Saga (Sarawak).
„ Tuan Lee Seck Fun, k.m.n. (Tanjong Malim).
„ Tuan Lim Pee Hung, p.j.k. (Alor Star).
„ Tuan T. Mahima Singh, j.m.n., j.p. (Port Dickson).
„ Tuan Joseph David Manjaji (Sabah).
„ Dato' Dr Haji Megat Khas, d.p.m.p., j.p., p.j.k. (Kuala Kangsar).
„ Dr Mohamed bin Taib (Kuantan).
„ Tuan Mohd. Arif Salleh, a.d.k. (Sabah).
„ Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut).
„ Tuan Mohamed Idris bin Matsil, j.m.n., p.j.k., j.p. (Jelebu-Jempol).
„ Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid, s.m.s., p.j.k. (Kuala Langat).
„ Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud, a.m.n. (Temerloh).
„ Tuan Mohd. Zahir bin Haji Ismail, j.m.n. (Sungai Patani).
„ Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan).
„ Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah (Pasir Mas Hilir).
„ Tuan Haji Muhammad Su'aut bin Haji Muhd. Tahir, a.b.s. (Sarawak).
„ Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara).
„ Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah).

Yang Berbahagia Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil, d.k., s.p.m.k., s.j.m.k., p.m.n., p.y.g.p., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat Tuan Ng Fah Yam, j.p. (Batu Gajah).
„ Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak).
„ Tuan Othman bin Abdullah, a.m.n. (Perlis Utara).
„ Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud, a.m.n. (Johor Bahru Barat).
„ Tuan Ramli bin Omar, k.m.n. (Krian Darat).
„ Tuan Haji Redza bin Haji Mohd. Said, p.j.k., j.p. (Rembau-Tampin).
„ Raja Rome bin Raja Ma'amor, p.j.k., j.p. (Kuala Selangor).
„ Tuan Seah Teng Ngiab, s.m.j., p.i.s. (Muar Pantai).
„ Tuan Sim Boon Liang, a.b.s. (Sarawak).
„ Tuan Senawi bin Ismail, p.j.k. (Seberang Selatan).
„ Tuan Soh Ah Teck (Batu Pahat).
„ Tuan Haji Sulaiman bin Ali (Dungun).
„ Tuan Sulaiman bin Bulon, p.j.k. (Bagan Datoh).
„ Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut).
„ Tuan Tajudin bin Ali, p.j.k. (Larut Utara).
„ Tuan Tai Kuan Yang, a.m.n. (Kulim-Bandar Bharu).
„ Tuan Tama Weng Tinggang Wan (Sarawak).

Yang Berhormat DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TAN TSAK YU, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

„ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah.)

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

### PENUBOHAN PERKHIDMATAN BANTU GUAMAN

**1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara)** bertanya kapada Menteri Ke-'adilan sudah-kah Kerajaan menuboh-kan Biro Bantuan Guaman, dan jika sudah, apa-kah kemajuan yang telah di-chapai sa-takat ini dalam meng-usahakan chita²-nya dan apa pula kesulitan yang di-hadapi; apa tindakan segera yang telah di-ambil untok mengatasi kesulitan² ini.

**Menteri Ke'adilan (Tuan Bahaman bin Samsudin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Ke'adilan telah melantek sa-buah Jawatan-kuasa untok menyiasat sama ada perlu atau tidak di-tubohkan perkhidmatan bantu-guaman. Sekarang Jawatan-kuasa ini telah menyiapkan laporan-nya dan akan di-sampaikan kapada Kerajaan tidak lama lagi untok mendapat keputusan.

Jawatan-kuasa ini mengambil masa panjang sadikit bagi menyiapkan laporan-nya ia-lah kerana Pengerusi Jawatan-kuasa itu telah bertukar dan tempat-nya di-gantikan oleh pegawai lain dan juga kerana menimbangkan belanja yang di-kehendaki untok men-jalankan ranchangan ini.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar

bahawa perkara ini telah di-timbulkan di-Dewan ini bukan satu dua tahun bahkan empat tahun dahulu saya telah menimbulkan atau membentangkan perkara ini dan kalau Menteri yang berkenaan sedar, boleh-kah Menteri mengambil tindakan dengan segera untok melaksanakan apa yang di-recommendkan oleh Jawatan-kuasa ini.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku meng-ambil tindakan yang segera.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri Ke'adilan kita memberi tahu Dewan ini apa kerjasama atau sokongan yang di-dapati daripada Persatuan Peguam dalam negara kita ini terhadap Jawatan-kuasa yang di-tubohkan bagi memperlindongkan segi undang² ka-pada ra'ayat yang miskin dalam negeri ini.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bersetuju itu soalan lain.

## TINDAKAN OLEH KERAJAAN UNTOK MENCHEGAH PEMBUNOHAN DIRI

2. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Ke'adilan berapa banyak kejadian:

(*a*) membunoh diri;

(*b*) chuba membunoh diri, yang ber-laku di-Malaysia sejak Merdeka, dan pada 'am-nya apa-kah puncha tiap² satu kejadian ter-sebut dan apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok menchegah perbuatan saperti ini.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak Merdeka, banyak-nya kejadian:

(*a*) membunoh diri ia-lah 2,240;

(*b*) chuba membunoh diri ia-lah 213.

Pada 'am-nya kejadian² tersebut ada-lah di-sebabkan oleh otak yang ter-ganggu, kesusahan keluarga, kesukaran kewangan dan juga kerana soal² per-chintaan (*Ketawa*).

Tidak ada tindakan² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untok menchegah perbuatan saperti tersebut kerana barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedar, tiada siapa² pun, kechuali mereka yang melakukan kejadian itu sendiri, boleh mengetahuï terlebeh dahulu mereka itu hendak melakukan perbuatan membunoh diri atau pun chuba membunoh diri.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari angka dalam jawapan yang telah di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Ke'adilan tadi dapat-kah Yang Berhor-mat memberi tahu Dewan ini, ada-kah di-antara yang membunoh diri itu mereka yang membakar diri dengan sebab mengambil tindak balas sa-suatu langkah yang di-buat oleh Kerajaan sa-bagai mana yang di-buat oleh sa-tengah² negeri.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, tidak ada dengar pun.

**Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara orang yang mem-bunoh diri sebab²-nya ia-lah berkenaan dengan perchintaan. Jadi ada-kah pela-jaran sex yang hendak di-adakan di-sekolah² itu akan menjadi mengurang-kan orang² yang membunoh diri di-sebabkan perchintaan.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu (*Ketawa*).

**Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Menteri Yang Berhormat tadi yang membunoh diri ia-lah sa-ramai 2,240 orang, dengan sebab penyakit otak dan termasok-lah perchintaan. Daripada 2,240 orang ini berapa banyak bilangan laki² dan berapa perempuan?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, semua-nya laki² dan perempuan (*Ketawa*).

**Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal-nya berapa laki² dan berapa perempuan (*Ketawa*).

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tidak dapat figure²-nya.

**Tuan Ramli bin Omar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri menyatakan yang mana-kah bilangan yang besar, perempuan-kah atau laki²?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada bilangan, tidak tahu.

**Tuan Mustapha bin Ahmad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 2,240 orang yang membunoh diri ini ada-kah di-antara-nya termasok orang² yang kechewa di-dalam politik yang membunoh diri.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya tidak ada.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapa-kah di-antara-nya itu yang terdiri daripada Ahli PAS (*Ketawa*).

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis):** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa pada masa dahulu ada pembunohan diri berlaku di-Bangunan Parlimen ini dan ada-kah Kerajaan sedar sebab² pembunohan itu berlaku atau ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengelakkan sa-barang kejadian sa-umpama itu berlaku daripada Rumah yang mulia ini?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat ada orang membunoh diri dalam Parlimen ini.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, di-bangunan Parlimen ini!

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Oh ya! Saya ingat. Tak tahu-lah apa sebab-nya dia membunoh diri (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan berchadang hendak mengawal atau menjaga kejadian itu supaya tidak akan berlaku lagi dengan sebab memandang bahawa sa-nya . . . . .

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada siapa dapat hendak menegah-nya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok):** Tuan Yang di-Pertua, di-antara 2,240 yang membunoh diri ini ada-kah termasok Ketua UMNO di-Klang yang membunoh diri pada tahun 1967 itu?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu. Saya tidak ada dengar Ketua UMNO Klang yang membunoh diri itu.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan, ia-itu nama-nya Haji Sharif.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia kata dia tidak tahu (*Ketawa*).

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Menteri yang berkenaan buat tak tahu sahaja, tetapi Menteri yang berkenaan sedar perkara itu berlaku.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Sabenar-nya demi Allah, saya tidak sedar (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah-lah hendak bersumpah² di-sini! (*Ketawa*).

**Tuan Ahmad bin Arshad (Muar (Utara):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Kira-nya sa-orang yang chuba hendak membunoh diri itu gagal, bagaimana-kah hukuman yang lazim-nya di-jatohkan, sama ada hukuman berat-kah atau ringan?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain, itu soal hukuman.

**Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut):** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara yang membunoh diri ini, ada-kah terdapat penuntut² yang telah gagal di-dalam pepereksaan?

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata tadi, saya tidak tahu (*Ketawa*).

## BANTUAN TEKNIK DARIPADA PERTUBOHAN BUROH ANTARA BANGSA

3. **Tuan Ahmad bin Arshad** bertanya kapada Menteri Buroh ada-kah benar Malaysia telah meminta bantuan teknik daripada Pertubohan Buroh Antarabangsa, dan jika benar, nyatakan butir² bantuan yang telah di-terima sa-takat ini.

**Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menerima bantuan pakar² dan dermasiswa daripada Pertubohan Buroh Antara Bangsa atau I.L.O. Dalam tahun 1961, satu projek ia-itu Pusat Daya Pengeluaran Negara atau National Productivity Centre telah mendapat bantuan daripada Ranchangan Pembangunan Antarabangsa atau United Nations Development Programme, dimana Pertubohan Buroh Antarabangsa telah di-tugaskan untok menjayakannya sa-lama lima tahun. Bantuan yang di-terima untok projek ini berjumlah sa-banyak US$527,603, termasok bayaran gaji pakar² yang di-hantar ka-Pusat tersebut, dermasiswa² untok membolehkan pegawai² tempatan mengikuti kursus² di-saberang laut dan juga alat² dan buku².

Sa-lain daripada itu, bantuan² pakar dan dermasiswa telah juga di-dapati dalam bidang² yang penting dan mustahak, mithal-nya pakar² berkenaan dengan Penchetak (Printing) Latehan Kemahiran, Vocational Training, Penasihat Kerja dan Latehan—Employment and Training, Perkhidmatan Perusahaan Kechil—Small Industrial Services, Perangkaan Pasaran Buroh—Labour Statistics.

Dalam bahagian dermasiswa pula pegawai² tempatan telah di-hantar untok mengikut kursus dalam bahagian Pengurusan Bengkel, Pengawalan Sekolah² Latehan, Perkhidmatan Pekerjaan Latehan, Pensharah Kemahiran dan Perangkaan Buroh. Kerajaan juga telah membuat satu permintaan daripada Bangsa² Bersatu dan Pertubohan Buroh Antarabangsa, akan di-tugaskan untok menjalankan-nya, untok menubohkan satu projek latehan guru dalam industry atau Trade Instructors' Training. Projek ini telah di-luluskan oleh Badan Pentadbir Ranchangan Pembangunan Antarabangsa baharu² ini. Tujuan projek ini ia-lah untok melateh guru² yang akan mengajar pelateh² dalam berbagai² perusahaan.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri Buroh ini memberitahu apa-kah projek khas yang di-lancharkan oleh Malaysia bagi mengambil sempena dengan Ulang Tahun Pertubohan ini yang ka-lima puloh dan juga hak asasi manusia. Sudah-kah jawatan-kuasa ini di-tubohkah?

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, minta lagi sa-kali.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Ada-kah Kementerian ini sedang menyediakan projek² bagi mengambil sempena genap 50 tahun Pertubohkan Buroh Antarabangsa ini, yang akan di-lancharkan di-Malaysia dan juga hak asasi manusia. Sudah-kah jawatan-kuasa ini di-tubohkan?

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada baharu² ini buat satu committee daripada majikan dan Government dan wakil pekerja² yang mana kita hendak buat satu programme sebab 50th Anniversary I.L.O. dan apa² ranchangan kita dapat daripada I.L.O. ada di-masokkan dalam programme itu.

## BANTAHAN OLEH LIMA ORANG JURUTAIP, GRED I SEBAB DI-SUROH MENGAMBIL UJIAN TAIP MENAIP

4. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kapada Perdana Menteri ada-kah dia sedar bahawa lima orang jurutaip gred satu telah menentang kerana mereka di-suroh mengambil ujian taip menaip

yang berlawanan dengan Sekim Perkhidmatan mereka. Jika sedar apa-kah yang di-buat oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan 'Awam terhadap bantahan ini.

**Tuan V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun memberi jawapan kapada soalan yang sarupa yang telah di-buat oleh Yang Berhormat itu kelamarin. Dan jawapan beliau itu telah meliputi perkara yang di-bangkitkan dalam soalan ini. Oleh itu jawapan yang berasingan tidak-lah perlu bagi saya memberikan-nya lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan, berkata sekarang, tujuan atau dasar Kerajaan Perikatan ia-lah kalau sa-orang Jurutaip telah lulus pepereksaan. di-masa yang akan datang beliau boleh di-suroh mengambil pepereksaan tersebut samula lagi?

**Tuan V. Manickavasagam** (*dengan izin*): Sir, as far as this complaint is concerned, the typists were advised on receipt of complaints, and they were shown proofs thereof and informed that, perhaps, a test similar to that given to the Machine Operators could be given to them, so as to enable them to put attention and speed into their work. They were even told that they had nothing to worry about the tests, since they would be given three attempts at any time convenient to them to prove themselves. Sir, this is a matter of course to show that any errors made by them can be improved and they themselves could improve on these tests.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I wish to ask the Honourable Minister whether—I am all in favour of efficiency in the Civil Service—he is aware that this is a departure and that this is not incorporated in the Scheme of Service. Today, the Minister tells us that this is a good thing to do, the typists involved had been given due notice and that they did not make too much of a fuss, but this may well serve as a thin end of the wedge; in other words, tomorrow a different sort of infringement of the Scheme of Service or alteration of the Scheme of Service may be brought about by the Alliance Government, which naturally causes great concern to all the civil servants in this country.

**Tuan V. Manickavasagam:** Sir, this is a case of only a few, but if the Staff Side of the Whitley Council feel that there is injustice being done, they are at liberty to bring it to the Official Side.

**Dr Tan Chee Khoon:** Is the Honourable Minister aware, that when he talks about the Staff Side of the Whitley Council in fact, according to the Estimates that we have passed for this year, there is no Staff Side of the Whitley Council, because there is only a token vote for such work, and as such, when he talks of the Staff Side of the Whitley Council, it is an euphemism that the Alliance Government indulges in?

**Tuan Yang di-Pertua:** What is your supplementary question?

**Dr Tan Chee Khoon:** The Honourable Minister has talked about the Staff Side of the Whitley Council. The question that I wish to ask him is that according to the Estimates that we have passed in the Ordinary Expenditure for this year, there is no such thing as the Staff Side of the Whitley Council, because only a token vote has been given to it.

**Tuan V. Manickavasagam:** Sir, as long as a token vote is there, the function is there.

## NUMBER OF EXPATRIATES IN MESSRS. BEECHAM (MALAYSIA) SDN. BERHAD

5. **Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*) asks the Minister of Home Affairs for the number of expatriates working in the firm of Beecham (Malaysia) Sdn. Berhad. Is the Minister aware that recently the post of Marketing Manager was filled by an expatriate and the Company has also applied for a work permit for an Export Marketing Manager. If so, is the Minister also aware that both these posts can easily be filled by Malaysians. Will the Minister ask the said company to adhere to the Malayanisation policy of the Government.

**Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah)** (*dengan izin*): There are, at present, six expatriates working for Beecham (Malaysia) Sendirian Berhad. Four of these expatriates are from the United Kingdom and two are from Singapore. The Standing Committee of Officials on Malaysianisation in Commerce and Industry had, after examination of the management forms submitted by the Company in 1965, allowed the Company a quota of five expatriates until 1970. One of them is a key post which will not be Malaysianised. The post of Marketing Manager has since then been held by an expatriate in compliance with the approved quota. As the Company was expanding its range of products for export outside Malaysia, a work permit for one year was granted for an expatriate Export Manager in 1969 on the recommendation of the Ministry of Commerce and Industry. The Standing Committee of Officials on Malaysianisation in Commerce and Industry felt that the posts of Marketing Manager and Export Manager could be Malaysianised in due course and has, therefore, directed the Company to Malaysianise the post held by the Marketing Manager at the end of 1969 and to train a Malaysian for the post of Export Manager. The question of whether or not the work permit issued to the Export Manager would be extended beyond 1969 would depend on the expansion achieved by the Company within this period and on the availability of a suitable Malaysian for this post. The Company has been adhering to the Government's policy on Malaysianisation.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the supplementary question I wish to ask the Honourable Assistant Minister is this: he told us just now that there are about six expatriates in that firm and that in 1965 they were given a quota of five expatriates and then he has told us how the forms of various officials accorded in it, including the post of Export Manager and the post of a Marketing Manager. Can he tell us why this company in question has been allowed to increase their quota from five to six? Could not any of these important posts be included within the five that they were allowed?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Mr Speaker, Sir, as I explained just now, at the moment they cannot get an Export Manager and have to recruit an expatriate Export Manager, at any rate until 1969, and this has been recommended and has been agreed to by the Ministry of Commerce and Industry.

For the further information of the Honourable Member, the Company has also agreed to Malaysianise three of these remaining four expatriate posts by the end of 1970 and the fourth post, as I have explained just now, is a key post and will not be Malaysianised.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, can the Honourable Assistant Minister tell us:

(*a*) whether this Company has any local officers of executive grade working in the company;

(*b*) despite what the Honourable Assistant Minister has told us that three posts will be Malaysianised, what steps has this Company taken to train Malaysians of managerial class to take over when the expatriates leave, as they said they will leave, because very often it happens that one of the justifications for extension of a work permit is that, "Now, we are willing to let go our expatriates, but then you see none of your people are fit". Consequently, a training programme is very important in all these cases. Can the Honourable Assistant Minister tell us whether there are any Malaysians of executive grade in that Company, and what steps have been taken to train Malaysians to fill the vacancies when the expatriates go.

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Mr Speaker, Sir, as for the Honourable Member's first question, I am afraid I cannot answer it. I have to have notice before I can say how many local executive officers there are at the moment in the Company. But, as for

the second question, I would like to clarify here that all firms have been directed to train as many Malaysians as they can get to fill up the appointments when vacated by expatriate officers that are now serving in the companies; and the Committee on Malaysianisation, in conjunction with the Ministry of Home Affairs and the Immigration Department, are watching the progress of their training scheme, their Malaysianisation Scheme, very closely and if they find out that a firm has not strictly complied with the requirements on the programme of Malaysianisation, then the firm concerned will be notified to try and speed up its task of training local employees and try to speed up its Malaysianisation programme.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Speaker, Sir, just now in reply to a question that I asked regarding how many Malaysians of executive grade are there in this Company, the Honourable Assistant Minister was kind enough to say, was frank enough to say, that he did not know the position. Now, if I were to tell the Assistant Minister—I think I am correct in saying—that there are no Malaysians of executive grade in that Company, will the Honourable Assistant Minister cause an inquiry to be made because ten years after Merdeka, it is incredible that a Company, that has done business in this country for such a long time, has no Malaysians of executive grade on its staff?

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** I will, Mr Speaker, Sir.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

#### Jawatan-kuasa

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambong sa-mula Perbahathan berhubong dengan Anggaran Pembangunan, 1969, dalam Jawatan-kuasa sabuah[2] Majlis (5hb Februari, 1969).

*Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa)*

*Kepala 101 hingga 105—*

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, menyambong uchapan saya petang sa-malam saya mengakhiri dengan dua perkara. Yang pertama Pechahan-kepala 4 di-bawah Kepala 105 dan yang kedua ia-lah Pechahan-kepala 2 (ii) di-bawah Kepala 101. Pechahan-kepala 4 di-bawah Kepala 105 Penjara, muka 9 dalam Command Paper No. 1 ia-itu kita minta $1 juta pada tahun ini sa-bagai perbelanjaan sa-chara langsong untok di-belanjakan bagi maksud Kem Membaiki Akhlak, Taiping.

Tuan Pengerusi, sudah lama kita mendengar kem atau pun khemah yang sa-macham ini yang di-maksudkan untok memperbaiki akhlak. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri kita tahu walau pun beliau baharu sahaja datang ka-Kementerian ini, beliau tahu bahawa kem ini bukan kem memperbaiki akhlak mengikut perkataan yang sa-benar, bukan hendak memperbaiki perangai tetapi ia-lah satu kem yang di-dalam-nya ada penjahat[2] dan orang[2] yang bersifat terrorist dan dahulu-nya bekas[2] kominis dan juga samseng[2] yang tidak dapat kita hendak istilahkan sa-bagai akhlak mengikut yang di-kehendaki. Memang perbuatan manusia ini di-namakan akhlak tetapi kerja[2] yang sa-macham itu tidak di-namakan akhlak. Kalau sa-orang itu membunoh orang perbuatan-nya itu tidak di-hukum dari segi akhlak tetapi di-hukum dari segi jenayah. Maka kem ini yang saya tahu penoh dengan orang[2] yang sa-macham ini.

Saya mengeshorkan kapada Kementerian ini lebeh baik-lah kem ini di-bawa ka-tempat yang lebeh jauh daripada Taiping dan orang[2] itu di-suroh bekerja ladang atau pun apa[2] juga membalas terhadap perbuatan kejahatan mereka itu. Dan di-samping itu mereka berlateh diri dan juga mereka merupakan anggota masharakat yang productive bagi kemajuan negara kita,

sebab kita membahaskan ini pembangunan. Ada pun hendak mengumpulkan orang² ini kesemua kalau silap², Tuan Pengerusi, saya payah sangat dudok dalam pemerentahan Kerajaan Perikatan lebeh baik saya pergi dudok di-sana. Makan free, apa kesemua free. Jadi ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya tidak tahu istilah-nya dari mana.

Yang akhir-nya sa-kali Pechahan-kepala 2 (ii), Kepala 101, berkenaan dengan Kementerian sendiri ia-itu Perbelanjaan Permulaan. Perbelanjaan Permulaan ini ada-lah di-maksudkan untok mendapat mahkamah² baharu. Saya rasa, Tuan Pengerusi, ini dapat kita berkira dengan Kerajaan² State tetapi yang penting-nya ia-lah melaksanakan rumah² itu sa-berapa segera-nya. Dan yang akhir-nya sa-kali saya minta petua daripada Kementerian ini berkenaan dengan perbelanjaan kemajuan tahun ini dari segi jawatan Attorney-General. Apa-kah jawatan ini patut kita beri wang lagi atau kita kurangkan dari segi pembangunan.

Tuan Pengerusi, saya suka mendapat petua ia-itu saya membacha Perlembagaan dan saya membacha Undang² atau Act² yang di-buat dalam Parlimen ini di-dapati jawatan Attorney-General di-bawah Kementerian Ke'adilan ia-lah satu jawatan yang sa-benar-nya political status bukan pegawai Kerajaan. Dari segi itu-lah pada hari itu, kalau saya silap pun, Tuan Pengerusi, saya boleh tarek balek ia-itu saya membantah bahawa Attorney-General ini keluar pergi meninggalkan office, meninggalkan Pejabat, memberi penerangan berkenaan dengan Rang Undang² kerana saya faham Attorney-General ini di-lantek oleh Yang di-Pertuan Agong, rupa²-nya jawatan ini jawatan politic erti-nya Attorney-General dalam negara Malaysia boleh di-lantek menjadi Senator, Ahli Dewan Negara, dan di-samping itu boleh di-lantek menjadi Menteri di-dalam Dewan ini. Dengan demikian berhak-lah Attorney-General itu menjawab dalam Dewan ini dan juga memberi penerangan. Jikalau ini-lah yang sa-benar-nya saya rasa lebeh baik Attorney-General kita walau pun sa-tengah² saya tidak bersetuju dengan-nya tetapi dari segi kebolehan-nya di-lantek menjadi Senator dan di-lantek menjadi Menteri Tanpa Jabatan untok menjawab perkara² yang kena mengena dengan Undang², dan ra'ayat pun tahu bahawa jawatan ini ada political status tidak pegawai Kerajaan. Macham sekarang ini orang samar² dan ini-lah peluang-nya kapada Menteri Yang Berhormat baharu ini hendak membuat sa-suatu yang baik sebab lepas tahun 1969 ini tidak ada peluang lagi hendak membuat dalam negara ini.

Saya meminta dan mengemukakan ini sa-bagai satu chabaran kapada Menteri supaya memberi petua di-dalam perkara ini.

**Dr Tan Chee Khoon** (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I wish to touch on page 9, Head 105, and like the Member for Bachok, I wish to touch generally on the Rehabilitation Camp in Taiping and on the Detention Camps up and down the Peninsula. To the Honourable Minister, I am sure, in the short time that he has been in office, one of his biggest headaches has been the hunger strikes called by the detainees. Now, it has been the practice of Government to airily dismiss this as the machinations of the M.C.P. Be that as it may, Mr Chairman, Sir, having visited all the three Detention Camps, namely that at Taiping, that at Batu Gajah, that at Muar, and that at Kuching, I am convinced that the detainees have a good deal to grouse about. Food has not been uniformly good as promised by the Camp authorities or as promised by the talks that I myself had with the former Minister of Home Affairs when this was under his portfolio.

The other thing that the detainees object to is the uncalled for restriction of movement within the Camp itself. I do not know whether the Minister is aware of this. You have blocks within a block. Now, what you have is a block within the whole Camp area and in a particular block, let us say for male detainees, there is a sort of a long-house type of building, where there are two openings at each end. Now, very often as a punitive measure, these doors are closed at about 8 o'clock, or may be a little later. Knowing this country as we all do, at 8 o'clock it

can be very hot and, if you close the doors at each end, it means that for a number of hours the detainees will feel very uncomfortable; I do hope the Honourable Minister will see to it that these doors at each end of the building can be allowed to remain open all the time compatible with security; or, if it is not compatible with security, then they should be closed, say, at about a reasonable hour, say, 10 o'clock, when the heat of the day would have passed away.

The other thing that I wish to bring to the attention of the Honourable Minister is the question of work and training of the detainees. I hope, Sir, it is the intention of the Alliance Government that when these detainees leave the Detention Camps they can be useful members of society, and how can they be useful members of society if they are not trained to use their hands? Therefore, I hope that the Minister will look into this question of providing training for these detainees on a level that is being provided for, for example, at the Pudu Jail, where I see there have been active steps to train the people in carpentry, in basket work, in tailoring, in printing and the like.

The other thing that I wish to bring to the attention of the Honourable Minister is the lack of reading material. Now, Sir, if one is detained in a camp and one has to spend 24 hours in a camp, life becomes almost intolerable, if there is not enough reading material. I am told—and I still think this is correct—that in one block there is only one newspaper, or at the most two newspapers; for example, in Kuching at the "University of Kuching", as it is known amongst the people of Kuching, you have about 130-plus detainees in one block. Now, for a block of that size, if you only provide one newspaper, that will be totally inadequate for the people there.

The other thing I wish to bring to the attention of the Minister is that when the mail is sent there, very often, I think, the Prison Regulations say that you can only receive mail, perhaps, twice a week. If it is merely reading material for the detainees to while away their idle hours, then I should say that if reading material is sent in and if it is carefully scrutinized by the camp authorities, then it should be allowed in more frequently, because I do know that sometimes when I send in reading material, there is an inordinate delay in the reading material that I send to the detainees reaching them.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch on Head 102, Statistics. I wonder if the Honourable Minister is aware that, more and more, the Department of Statistics has been asked to undertake compilation of various statistics, various surveys, etc., and one of the biggest jobs that the Department of Statistics will undertake, I think, is the census next year. As such, it is very important that staff should be adequate, staff should be trained, and equipment should be adequate.

Now, Sir, it is no secret that statistics of various kinds are woefully inadequate in this country. I have pointed out in our debate on the Ordinary Expenditure how in the manufacturing sector centre, I think, industrialists, when they come to this country, tear their hair with rage, when they ask for statistics on trade manufacturing; we say, "Well, so sorry, we don't have them". Now, such a lack of statistics does not inspire confidence in potential investors and, of course, it is imperative for industrialisation in this country that there should be correct and up-to-date statistics. I wonder if the Honourable Minister is aware that there is a lack of staff in the Department of Statistics. I think I am correct in saying that there is now a Deputy Statistician. There is a need for yet another deputy, because I wonder if the Minister is aware that in the first census that was made in this country—I think he was a person by the name of T. E. Smith—he was taken away from his job and given full-time work to do the census—or is it del Tufo? Anyway, he was an expatriate who was taken away and asked to do the census. For the full time work that he did, I think he got away with a bounty of $50,000. The other expatriate who did this census, I think, was Phelp, and he was also taken away from the office and made

to do the census and he was, I think, given $10,000 as bounty for the work that he did. I gather that in this instance the local man is expected to do full-time work in connection with the census and with his own work as well, and, in addition to all that, he has not got enough staff. Now, this is a matter I hope that the Honourable Minister—and I am glad he has nodded in agreement with me—would look into because, again, it is imperative that a proper census should be taken next year and for which there should be adequate staff if we are to expect, for the first time, Malaysians to make a proper job of the census next year. Thank you.

**Tuan Ahmad bin Arshad:** Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam Kepala 104 ia-itu Pechahan-kepala 1, Tambahan bagi Ibu Pejabat Perchetakan di-Kuala Lumpur. Saya chuma hendak menyentoh sadikit sahaja, Tuan Pengerusi. Saya menarek perhatian Kementerian ini supaya sa-berapa yang boleh perchetakan sama ada yang di-Kuala Lumpur ini dan juga di-lain² tempat yang ada di-dalam negara ini memulakan ejaan baharu kita yang telah di-persetujukan antara dua buah Kerajaan Indonesia dengan Malaysia—ejaan baharu, huruf ejaan baharu.

Jadi dengan di-mulakan oleh Kerajaan menggunakan ejaan baharu ini akan dapat di-ikuti oleh ra'ayat bahawa kita telah bergerak sa-langkah menggunakan ejaan baharu dan dengan ini akan di-ikuti oleh perchetakan² persendirian dalam negeri ini.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Pengerusi, saya bangun menjawab tegoran² yang telah di-terima daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Parlimen ini. Yang pertama-nya Ahli Yang Berhormat dari Kemaman sa-malam telah merayu supaya sa-orang Hakim di-adakan di-Trengganu oleh sebab dia dapati kes² yang belum di-selesaikan di-negeri itu makin bertambah. Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu sedia ma'alum bahawa apabila saya mengemukakan usul menambah jumlah Hakim² Tinggi di-Malaysia Barat di-Dewan ini beberapa hari yang lepas saya menerangkan sebab² jumlah hakim itu di-tambah. Satu daripada sebab² itu ia-lah semenjak negara kita merdeka kes² jenayah dan kes² civil telah bertambah beberapa kali ganda bukan sahaja di-satu negeri tetapi di-seluroh Malaysia Barat ini. Oleh yang demikian meletakkan sa-orang hakim di-mana² tempat terpulang-lah kapada banyak-nya kes² di-satu tempat itu. Bagaimana pun apabila Hakim baharu telah di-lantek maka masaalah yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan di-kaji dengan teliti-nya. Sa-benar-nya perkara ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Trengganu telah berjumpa dengan saya dan berunding dalam perkara ini dan saya telah berunding pula dengan Hakim Besar dan Hakim Besar sedang mengambil tindakan dengan sa-berapa segera.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan gazet² atau Pemberitahu Undang² selalu lambat di-terima dan dia meminta tindakan di-ambil supaya mengadakan Pejabat Penchetak² Kerajaan itu di-tiap² negeri. Tuan Pengerusi, Penchetak Kerajaan dengan sa-berapa segera yang boleh-nya mengeluarkan gazet² Pemberitahu Undang² itu dengan sa-berapa yang boleh. Kesulitan yang di-hadapi-nya ia-lah ada masa-nya Pemberitahu Undang² itu di-hantarkan kapada-nya oleh pehak yang berkenaan terlampau lambat, dan dia tidak-lah boleh menyediakan Pemberitahu Undang² itu dengan serta-merta.

Chadangan Yang Berhormat itu untok di-adakan Penchetakan di-tiap² negeri itu sunggoh molek dan akan di-ambil perhatian, tetapi masa ini kita fikirkan-lah keadaan kewangan negeri kita bagini sempit. Jadi ranchangan² banyak yang lebeh mustahak lagi. Jadi itu akan di-timbangkan.

Berkenaan dengan tegoran² yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi, dia juga membangkitkan perkara *Warta* Kerajaan yang lambat kata-nya 4 bulan dan Undang² pun sampai kapada-nya lambat, oleh itu lambat di-kuat kuasakan. Sa-benar-nya perkara ini telah saya beri jawab baharu ini tadi dan Ahli Yang Berhormat itu pun telah di-beri jawapan masa

Kementerian ini mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Biasa—Ordinary Estimates, minggu lepas. Jadi, tidak payah-lah saya menjawab lagi dalam perkara itu.

Yang Berhormat dari Bachok itu juga menyebutkan perkara Penjara iaitu Camp Akhlak di-Taiping. Saya katakan kapada-nya kalau dia ingin hendak masok Camp itu, saya menerima dengan tangan terbuka. Dan elok pun juga kalau Yang Berhormat melawat dahulu keadaan Camp itu. Camp itu yang sa-benar-nya belum siap lagi baharu peruntokan sahaja di-sediakan dan ranchangan[2] akan di-buat bagaimana hendak memelihara dan melateh pendudok[2] dalam Camp itu.

Berkenaan dengan jawatan Attorney-General tadi sa-benar-nya dalam Perlembagaan ia-lah jawatan itu satu jawatan politik tetapi masa ini kita baharu sahaja merdeka 10 tahun dan kita ini developing country—sedang membangun, jadi belum-lah sampai masa-nya kita hendak mengadakan Attorney-General yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat itu tetapi perkara itu akan di-timbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu menyebutkan juga berkenaan dengan Detention Camp seluroh Malaysia ini kata-nya banyak pengaduan[2] kerana kemudahan[2] tidak chukup. Bukan dia sahaja, saya sendiri telah melawat semua Detention Camp seluroh Malaysia ini dan ada juga yang ta' betul, ada juga yang betul tetapi sebab Kerajaan kekurangan wang tidak-lah dapat hendak membuat perubahan serta merta. Jadi, saya pun baharu menjadi Menteri Ke'adilan, tetapi sa-berapa daya upaya saya akan chuba hendak memperbetulkan, membaiki mana[2] ada kekurangan[2] itu. Berkenaan dengan surat khabar dan surat[2] yang di-hantar itu dan latehan[2] yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat patut diberi saperti *banduan*[2] dalam Penjara, itu juga chadangan baik dan akan ditimbangkan, akan tetapi perkara ini ia-lah perkara baharu dan saya menjadi Menteri Ke'adilan pun baharu, jadi itu-lah fasal-nya maseh lagi ranchangan di-buat, jadi belum dapat di-masokkan dalam Development Estimates, 1969 ini.

Berkenaan dengan Statistics tadi, sa-benar-nya kita kekurangan kakitangan tetapi kita sa-berapa boleh akan menambahkan lagi kakitangan itu dan baharu[2] ini kita telah keluarkan iklan untok memanggil pekerja[2] beberapa banyak lagi trained personnel, itu yang susah hendak dapat trained personnel sebab kerja statistics ini berkehendakkan pengalaman atau tauliah yang baik. Jadi, staff[2] yang ada sekarang ini—kakitangan yang ada sekarang kita beri latehan dari samasa ka-samasa.

Berkenaan dengan tegoran Ahli dari Muar Utara, dia ini tidak putus[2] menegor, menyoal. Saya bukan-lah hendak katakan tidak elok tetapi elok dengan jalan itu kita dapat memberi penerangan di-sini. Dia meminta dalam perkara penchetakan ejaan baharu ini di-jalankan. Tetapi barangkali Yang Berhormat itu tahu ejaan baharu ini belum lagi dapat di-persetujukan oleh Indonesia dan kerana itu belum-lah boleh kita sifatkan official atau rasmi. Jadi nanti-lah di-persetujukan oleh kedua negara baharu-lah barangkali kita akan jalankan.

**Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Pengerusi, oleh kerana saya lewat membuat soalan dalam Kepala 101 ia-itu Pechahan-kepala 1—Bangunan[2] Mahkamah.

**Tuan Pengerusi:** Minta penjelasan-kah?

**Tuan Othman bin Abdullah:** Kepala 101 minta penjelasan. Ada-kah pehak Menteri yang berkenaan telah menerima rayuan daripada Kerajaan Negeri Perlis bagi membaiki dan membesarkan sadikit bangunan Mahkamah di-Perlis ia-itu tempat perbicharaan, kerana tempat itu terlalu sempit dan berhampiran dengan jalan raya, kadang[2] tempat perbicharaan itu tenggelam dengan bising deruan kereta dan lalu lalang orang ramai. Jadi, ada-kah pehak Menteri yang berkenaan menerima rayuan supaya bangunan tempat

perbicharaan yang kechil itu di-perbesarkan dan bangunan itu di-masokkan air-condition dan di-tutupkan supaya tidak terdengar deruan² kereta yang di-tepi jalan itu. Terima kaseh.

**Tuan Bahaman bin Samsudin:** Tuan Pengerusi, saya sendiri telah melawat Perlis boleh di-katakan dua atau tiga kali dan telah memereksa Mahkamah² di-sana dan saya dapati banyak yang patut di-baiki atau di-perbesarkan. Perkara itu telah di-masokkan dalam ranchangan, dan tidak-lah barangkali di-masokkan dalam tahun 1969 ini barangkali di-masokkan dalam tahun hadapan sebab priority-nya tidak ber-apa kuat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $1,175,156 untok Kepala 101, $2,014,000 untok Kepala 102, $370,000 untok Kepala 103, $213,443 untok Kepala 104 dan $2,299,883 untok Kepala 105 di-setuju-kan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

*Kepala² 106 hingga 108 dan 118.*

**Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon untok membawa Kementerian Penerangan Kepala² 106, 107 dan 108, dan Kementerian Ke-budayaan, Belia dan Sokan, Kepala 118, sa-kali gus. Tuan Pengerusi, saya mohon supaya Kementerian Penerangan dan Penyiaran Kepala 106—Radio $13,608,176, Kepala 107—Talivishen $567,622, Kepala 108—Penerangan $783,540 berjumlah $14,959,338 dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan Kepala 118 sa-banyak $1,545,000 di-luluskan.

Tuan Pengerusi, terlebeh dahulu suka-lah saya nyatakan dengan serba rengkas kemajuan² pembangunan yang telah di-laksanakan dalam tahun 1968 dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran yang di-antara-nya termasok-lah ranchangan²:

(*a*) Steshen Pemanchar, studio², pejabat² dan rumah² kediaman di-Ipoh, Perak, yang telah me-makan belanja sa-banyak $1,159,276.

(*b*) Steshen Pemanchar, studio², pejabat² dan rumah² kediaman di-Johor Bahru yang berharga $878,435.

(*c*) Steshen Pemanchar dan rumah² kediaman di-Kuala Trengganu yang berharga sa-jumlah $618,601.

(*d*) Steshen Pemanchar baru di-Kuching yang telah memakan perbelanjaan $157,000.

(*e*) Steshen Pemanchar dan rumah² kediaman di-Kuantan yang ber-harga $780,964.

(*f*) Steshen penerima ranchangan di-Kota Kinabalu yang berharga sa-jumlah $291,880.

(*g*) Pejabat Penerangan serta rumah² pegawai di-Lundu, Sarawak, yang telah memakan belanja $75,000.

Sekarang ini, Tuan Pengerusi, izinkan-lah saya mengemukakan keperluan kewangan bagi Kementerian Penerangan untok tahun 1969 bagi rancha-ngan² pembangunan yang tertentu.

Jumlah peruntokan yang di-kemuka-kan bagi menyelenggarakan rancha-ngan² pembangunan dalam tahun 1969 ini ia-lah $14,959,338 yang di-bahagi-kan kapada negeri²:

| | |
|---|---|
| (*a*) Malaysia Barat ... | $11,012,939 |
| (*b*) Sabah ... ... | 1,863,277 |
| (*c*) Sarawak ... ... | 2,083,122 |

Suka-lah saya nyatakan bahawa per-untokan yang di-perlukan ini ada-lah untok perkara² saperti berikut:

*Kepala 106—Radio.*

Di-bawah Kepala 106—Radio, per-untokan berjumlah $13,608,176 ada-lah di-kehendaki untok ranchangan² yang berikut:

*Ranchangan² bagi Malaysia Barat—*

*Pechahan-kepala 7—Pejabat² Steshen pemetek siaran pusat dan rumah² kediaman, Klang.*

Ranchangan ini sa-benar-nya telah siap, tetapi peruntokan yang $1,000 ini ada-lah di-kehendaki untok mem-bayar "Retention Fees".

*Pechahan-kepala 10—Kuala Lipis, Steshen pemanchar dan rumah[2] Kediaman.*

Peruntokan berjumlah $150,000 ada-lah di-pelukan untok bayaran harga tanah dan persiapan tapak. Ranchangan ini apabila siap kelak akan memberi kekuatan pancharan meliputi seluroh kawasan Pahang Tengah dan kawasan Selatan Negeri Kelantan.

*Pechahan-kepala 12—Studio[2] dan Pejabat[2] Kuala Trengganu.*

Jumlah peruntokan yang di-perlukan ia-lah $450,000 bagi kegunaan bangunan studio dan pejabat[2]. Ini ia-lah satu ranchangan yang akan memberi perkhidmatan siaran daerah bagi Negeri Trengganu yang akan juga meliputi sa-bahagian Negeri Pahang oleh kerana negeri tersebut tidak ada pusat penyiaran.

*Pechahan-kepala 14—Kajang: Pemanchar baharu (Perkhidmatan dalam Negeri).*

Keperluan peruntokan berjumlah $450,000 ada-lah di-kehendaki untok bayaran harga tanah, perbelanjaan bagi bangunan steshen ini yang akan menempatkan "transmitter" yang di-kehendaki untok memperbaiki mutu liputan bagi kawasan Kuala Lumpur dan juga akan meliputi liputan ka-kawasan Tanjong Karang dan kawasan sekitar-nya.

*Pechahan-kepala 16—Angkasapuri, Kuala Lumpur.*

Peruntokan berjumlah $7,830,129 ada-lah di-minta untok bayaran harga tanah, menyiapkan kerja[2] tapak dan membena bangunan Radio, penyelenggaraan perkhidmatan[2] dalam (internal services), untok membeli kelengkapan teknik bagi studio[2] Talivishen dan untok membayar bayaran rundingan dan penyeliaan kapada pehak Consultants.

*Pechahan-kepala 19—Pemanchar Kuatkuasa, Ipoh.*

Peruntokan berjumlah $99,734 ini ada-lah di-kehendaki untok bayaran harga tanah dan ranchangan ini ada-lah untok membaiki mutu siaran radio.

*Pechahan-kepala 20—Tambahan Pemanchar Gelombang Pendek untok Kegunaan dalam negeri di-Kajang.*

Peruntokan pembangunan yang di-kehendaki bagi ranchangan ini ia-lah $300,000. Ini ada-lah berupa ranchangan membena satu bangunan di-Kajang bagi memperbaiki liputan siaran radio ka-Sabah dan Sarawak.

*Ranchangan[2] bagi Sabah—*

*Pechahan-kepala 42—Ranchangan[2] Pemancharan U.A.K. dan U.K. Sabah.*

Di-bawah ranchangan ini peruntokan $792,000 ada-lah di-minta bagi menyelenggarakan bangunan steshen pemanchar di-Sandakan dan untok membekalkan dua alat pemanchar yang berkuatkuasa 10 K.W. Sa-bahagian daripada peruntokan ini akan juga di-gunakan untok bayaran tanah bagi steshen[2] lain di-Tawau, Kudat, Lahad Datu dan Tenom.

*Pechahan-kepala 43—Steshen Pemanchar baru Kota Kinabalu.*

Peruntokan sa-banyak $459,277 ada-lah di-minta untok bangunan steshen pemanchar baharu dan alat[2] steshen tersebut di-Kota Kinabalu. Ranchangan ini akan memperbaiki kekurangan liputan Gelombang sederhana bagi perkhidmatan kawasan di-sabelah Barat Sabah.

*Pechahan-kepala 44—Tambahan Studio dan Pejabat Kota Kinabalu.*

Jumlah peruntokan yang di-minta ia-lah $612,000 dan peruntokan ini ada-lah di-kehendaki bagi bangunan tambahan studio dan pejabat oleh kerana studio yang ada pada hari ini telah di-bena 10 tahun lalu dan tidak-lah menchukupi untok keperluan penyiaran Negeri Sabah yang sentiasa berkembang maju.

*Ranchangan² bagi Negeri Sarawak—*

*Pechahan-kepala 62—Tambahan Rumah Penyiaran, Kuching.*

Peruntokan sa-banyak $935,977 ada-lah di-kehendaki bagi ranchangan bangunan tambahan rumah penyiaran di-Kuching, oleh kerana pusat penyiaran yang ada sekarang ini telah menjadi terlalu kechil dan tidak sesuai bagi penyelenggaraan tugas yang telah bertambah.

*Pechahan-kepala 63—Steshen Penyiaran, Limbang.*

Peruntokan berjumlah $403,411 ada-lah di-kehendaki untok bangunan serta untok membeli dua alat pemanchar yang berkuatkuasa 20 K.W. untok perkhidmatan radio di-Sarawak (Fifth Division). Ini ia-lah satu ranchangan penyiaran menggunakan Gelombang sederhana bagi kawasan² yang berhampiran dengan sempadan Negeri Brunei.

*Pechahan-kepala 64—Tambahan Alat² Pemanchar, Stapok.*

Ranchangan ini memerlukan peruntokan berjumlah $542,056 bagi membeli alat² transmitter dan untok perbelanjaan bangunan. Dengan pembelian transmitter baharu ini kemungkinan siaran dalam bahasa² daerah melalui Radio Sarawak akan dapat di-laksanakan daripada Kuching.

*Pechahan-kepala 65—Tambahan Kelengkapan² Penyiaran Kawasan Sarawak.*

Ranchangan ini memerlukan peruntokan sa-banyak $147,678 berupa perbelanjaan untok membeli tanah di-Bintulu, Miri dan Kapit. Kawasan tanah di-Sibu dan Simanggang telah pun selesai pembelian-nya. Ada-lah di-ranchangkan untok mengadakan satu steshen pemanchar gelombang sederhana di-kawasan² tersebut di-atas pada masa hadapan.

*Kepala 107—Talivishen—*

Di-bawah Kepala 107—Talivishen—peruntokan yang di-perlukan ia-lah berjumlah $567,622 dan keperluan² ini ia-lah untok ranchangan yang berikut:

*Pechahan-kepala 2—Mengembang Ranchangan² Talivishen ka-Pantai Barat.*

Di-bawah pechahan-kepala ini peruntokan berjumlah $352,742 ada-lah di-kehendaki bagi ranchangan² berikut:

(*a*) *Bangunan²*—$82,616 ada-lah di-kehendaki bagi bangunan untok menempatkan "standby generator plant" di-Tampin dan Gunong Keledang, Ipoh. Alat ini ada-lah di-perlukan oleh kerana satu generator simpanan belum lagi di-bekalkan di-kedua² steshen tersebut untok kegunaan pada waktu tergendala-nya bekalan api yang biasa.

(*b*) *Kelengkapan*—$360,126 ada-lah di-kehendaki untok membena sa-buah aerial di-Tampin dan juga untok membeli standby generator bagi kegunaan kawasan Tampin dan Ipoh.

(*c*) *Perkhidmatan Tambahan*—Peruntokan $10,000 ada-lah di-kehendaki bagi pekerjaan asas untok mendirikan alat pemanchar di-Kuala Pilah, Baling, Tapah dan Balek Pulau di-Pulau Pinang. Kawasan² yang tersebut tidak-lah di-liputi oleh steshen kuatkuasa yang ada pada hari ini di-kawasan Pantai Barat Malaysia di-sebabkan sekatan daripada bukit² yang berhampiran dan untok memperbaiki keadaan liputan ranchangan mengadakan transmitter baharu ini ada-lah amat di-perlukan.

*Pechahan-kepala 3—Mengembang Perkhidmatan Talivishen ka-sa-bahagian Pantai Timor.*

Di-bawah pechahan-kepala ini peruntokan berjumlah $26,880 ada-lah di-kehendaki untok bayaran harga kelengkapan dan juga untok membeli standby generator bagi kegunaan di-Bukit Batok daripada

kawasan yang mana di-adakan pancharan talivishen memberi perkhidmatan di-kawasan Kota Bharu.

*Pechahan-Kepala 5—Ranchangan Talivishen bagi Pantai Timor dan Kawasan Tengah, Malaysia Barat.*

Peruntokan $88,000 ada-lah diminta dalam tahun 1969 ini untok memindahkan satu transmitter Talivishen simpanan yang ada daripada Kuala Lumpur ka-Kuantan untok memberi perkhidmatan sementara (satu saloran) ka-kawasan Kuantan. Ini ia-lah satu daripada ranchangan bagi memberikan perkhidmatan Talivishen ka-kawasan Pantai Timor dan sa-jumlah daripada peruntokan ini juga akan di-gunakan bagi mengadakan perkhidmatan Talivishen ka-kawasan Tengah Malaysia Barat yang belum menerima perkhidmatan sekarang ini.

*Kepala 108 Penerangan—Malaysia Barat.*

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali dibawah Kepala 108—Penerangan: Kementerian ini ada-lah memerlukan peruntokan berjumlah $783,540 untok ranchangan² yang berikut:

*Pechahan-kepala 1—Studio² Filem Negara, Kuala Lumpur.*

Wang yang berjumlah $430,000 ada-lah di-minta untok membayar retention fees bagi ranchangan bangunan studio, untok membeli sa-buah generator bergerak bagi kegunaan mengambil filem di-luar, untok membekalkan kelengkapan lampu² dan untok membeli alat sound recording bagi Studio Filem Negara di-Kuala Lumpur. Alat² tersebut di-atas adalah sa-bagai pembelian peringkat akhir saperti yang di-ranchangkan terlebeh dahulu.

*Pechahan-kepala 3—Unit² Berkereta.*

Peruntokan jumlah $167,340 adalah di-kehendaki bagi membeli 15 unit berkereta, 8 daripada-nya untok kegunaan di-darat dan 7 daripadanya bagi kegunaan di-sungai². Ini ada-lah sa-bagai satu ranchangan menambahkan unit² berkereta yang sangat berkurangan bagi menjalankan tugas di-kawasan² luar bandar.

*Pechahan-kepala 4—Pengeluaran Filem Pembangunan.*

Sa-bagai ranchangan untok membuat sa-buah filem pembangunan peruntokan sa-banyak $47,700 adalah di-minta. Peruntokan ini sa-bahagian-nya ia-lah untok membolehkan pembelian cinemascope lenses yang sesuai, juga bagi membeli screen dan perkakas yang lain supaya filem tersebut boleh di-tayangkan di-seluroh negara.

*Pechahan-kepala 5—Pejabat² Penerangan.*

Bagi menyelenggarakan pembelian tanah untok benaan pejabat² penerangan dalam daerah Pasir Mas, Machang, Tumpat, Bachok, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Ulu Kelantan, peruntokan sa-banyak $84,500 ada-lah di-perlukan.

*Ranchangan Bagi Negeri Sarawak—*

*Pechahan-kepala 22 dan 23—Pejabat/ Rumah² Kediaman di-Saratok dan Bintulu.*

Peruntokan sa-jumlah $54,000 adalah di-perlukan dalam tahun 1969 bagi membayar harga tanah untok permulaan ranchangan membena pejabat² setor, rumah² kediaman di-daerah Saratok dan Bintulu.

Masok kapada Kepala Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan Kepala 118 pula, Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntokan perbelanjaan sa-banyak $1,545,000 yang di-pohonkan di-bawah Kepala 118 tersebut di-luluskan.

Ranchangan² pembangunan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan untok tahun 1969 ada-lah mengandongi:

(*a*) mengadakan kemudahan² riadzah,

(*b*) menambah asrama bagi Pusat Belia negeri Selangor,

(*c*) membena pusat² pelbagai-guna negeri Perlis, Trengganu dan Sarawak,

(*d*) melanjutkan pembangunan angkatan Belia Pelupor Negara, dan

(*e*) membena gallery di-Muzium Negara.

Bagi kemudahan² riadzah peruntokan sa-banyak $500,000 ada-lah di-kehendaki bagi menambah kerja² di-Padang Golf Subang dan pembenaan bangunan kelab-nya yang pada masa ini di-perengkat permulaan dan di-jangka akan dapat di-siapkan sa-belum akhir tahun ini.

Bagi Pusat Belia negeri Selangor, peruntokan sa-banyak $86,000 ada-lah di-kehendaki bagi membena asrama tambahan dan juga bagi menambah gelanggang permainan saperti untok bola keranjang dan sepak raga jaring. Ada-lah menjadi pengetahuan umum bahawa Pusat ini semenjak di-bena pada tahun 1964 telah menjadi satu pusat yang sangat² popular di-kalangan pemuda pemudi kita di-sekitar Kuala Lumpur dan sentiasa datang berlateh dan mengambil bahagian di-dalam segala gerakan dan kegiatan kebudayaan dan sokan.

Kejayaan saperti ini dan chara kegunaan Pusat ini telah membuktikan bahawa ranchangan Kementerian saya bagi membena Pusat yang sama di-lain² negeri Malaysia itu ada-lah satu ranchangan yang memang kena pada tempat-nya untok menggalakkan kegiatan² kebudayaan belia dan sokan. Dengan ada-nya demikian maka peruntokan $340,000 ada-lah di-pohonkan di-bawah Pechahan-kepala 4—Pusat Pelbagai-guna, bagi menyambong kerja pembenaan Pusat Pelbagai-guna negeri Perlis dan memulakan kerja pembenaan Pusat Pelbagai-guna negeri Trengganu di-Malaysia Barat. Ada-lah di-jangka kerja pembenaan kedua² Pusat ini ia-itu bagi perengkat pertama-nya akan dapat di-sudahkan sa-belum akhir tahun ini. Sunggoh pun Kementerian saya berhajat membena Pusat saperti itu dalam semua negeri dengan sa-kali gus, akan tetapi memandang kapada keadaan kewangan negara kita pada masa ini maka chuma $340,000 itu sahaja-lah yang di-pohonkan bagi tahun 1969. Ada-lah di-harapkan masa yang akan datang kita akan dapat melaksanakan tujuan ini dengan sa-chepat mungkin.

Di-bawah Pechahan-kepala 5—Angkatan Belia Pelupor Negara, peruntokan $250,000 ada-lah di-pohonkan dan jumlah ini lebeh kurang $30,000 akan di-untokkan bagi membeli lebeh kurang 23 ekar tanah yang akan di-gunakan wang tambahan bagi gerakan pertanian, $30,000 ia-lah bagi membeli jentera bajak, $30,000 bagi membuat jamban pam dan yang baki-nya membeli alat² perkakas² latehan.

Dalam tahun 1969 Angkatan Belia Pelupor Negara berharap akan dapat melateh sa-banyak 600 orang dalam anika jenis kursus saperti pertukangan kayu, pertukangan rumah, membaiki jentera, jahitan, pertanian, ternakan dan membaiki radio dan peti talivishen.

Di-bawah Pechahan-kepala 6—Muzium Negara, peruntokan sa-banyak $189,000 ada-lah di-pohonkan. Peruntokan ini ada-lah di-masokkan bagi membuat sa-buah gallery yang ke-empat di-Muzium Negara. Pembenaan gallery ini ada-lah meliputi kerja² memasang alat² letrik khas kerja² melantai, kerja² membuat sekatan dan membeli almari² kerana barang² yang sedang di-pamirkan telah bertambah banyak.

Di-bawah Pechahan-kepala 31 pula—peruntokan sa-banyak $180,000 ada-lah di-kehendaki bagi memulakan pembenaan peringkat pertama Pusat Pelbagai-guna negeri Sarawak. Pusat Pelbagai-guna yang hendak di-dirikan ada-lah sa-rupa dengan Pusat yang telah di-ranchangkan bagi negeri Malaysia Barat dan ada-lah menjadi tujuan Kementerian saya ia-itu apabila pembenaan Pusat ini selesai kelak maka saudara² kita di-Sarawak akan dapat menekmati pula akan kemudahan² yang sama saperti belia² di-Malaysia Barat.

Tuan Pengerusi, sekian-lah saya mengusulkan.

**Tuan Haji Abdul Aziz bin Ishak:** Tuan Pengerusi, saya berchakap berkenaan Kepala 106, Pechahan-kepala 4 dan lain²-nya. Saya hendak memberikan pandangan sadikit berkenaan

dengan ranchangan² yang di-siarkan oleh Radio Malaysia sama ada di-Johor Bahru atau pun di-mana², ia-itu saya sangat-lah bersetuju atas chara Juruhebah² memberikan ulasan² terutama sa-kali pada sa-belah pagi memperingatkan dari segala segi, umpamanya, memperingatkan orang² pergi bekerja, kanak² pergi bersekolah, sembahyang dan memberikan berbagai² nasihat lagi. Saya fikir perkara ini sangat-lah baik di-teruskan.

Saya menchadangkan juga supaya pehak Radio dan Talivishen memperhebatkan lagi ranchangan revolusi mental terhadap ra'ayat negeri ini kerana rasa saya ini amat-lah mustahak kerana dengan jalan ini ra'ayat kita akan lekas menyedari akan peranannya hidup sa-bagai ra'ayat yang berguna di-dalam sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat ini.

Saya suka hendak menegor sadikit berkenaan dengan ranchangan Berita Daerah. Saya harap ranchangan Berita Daerah ini hendak-lah di-sesuaikan dengan masa-nya kerana sekarang ini siaran daerah terutama sa-kali di-Johor Bahru di-udara pada pukul 11.35 malam. Waktu itu kebanyakan orang sedang nyenyak tidor, jadi, apa-kah yang mereka dapat mendengar-nya? Saya harap ranchangan² yang mustahak ini hendak-lah di-sesuaikan dengan masa kesenangan orang² yang mendengar, terutama sa-kali ra'ayat kita di-kampong².

Satu perkara lagi saya berharap Kementerian ini, ia-itu sesuai dengan keadaan masa sekarang ini, di-minta-lah supaya di-dalam penyusunan programme Radio dan Talivishen pada masa² hadapan ini di-harap-lah di-kurangkan ranchangan² dongeng² yang telah ketinggalan masa dan pembaharuan hendak-lah di-buat atas ranchangan² yang baharu sesuai dengan zaman Appolo kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir berkenaan dengan Pechahan Kepala-kechil 16—Angkasapuri. Oleh sebab Sharikat Bernama ada-lah di-bawah Kementerian ini saya berpendapat bangunan Bernama sekarang ini tidak-lah sesuai dengan kedudokan sa-buah negara yang merdeka. Saya harap Kementerian dapat memikirkan supaya di-tempatkan Jabatan Bernama ini di-satu tempat yang sesuai sama ada di-buatkan bangunan yang baharu atau pun di-tempatkan di-Angkasapuri atau pun di-tempatkan di-Jabatan Penerangan yang lama. Saya harap perkara ini pehak Kementerian dapat mengambil perhatian yang berat. Terima kaseh.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 10 minit.

*Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.40 pagi.*

*Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, saya memberikan uchapan tahniah kapada Kementerian ini, yang pertama sa-kali oleh kerana steshen² pemanchar radio yang pada waktu² yang telah sudah selalu di-timbulkan di-dalam Dewan ini tidak bagitu memuaskan; nampak-nya kita sudah mempunyaï banyak pemanchar² steshen kechil di-Kuantan, Ipoh, Johor Bahru dan lain²-nya, tetapi pemanchar² ini hanya terhad kapada beberapa daerah atau beberapa batu persegi sahaja di-keliling-nya sahaja.

Tuan Pengerusi, saya merasa, manakala pemanchar ini lemah kuasa-nya, maka di-antara pemanchar katakan-lah Kuala Lumpur dengan Ipoh, di-antara bandar Kuala Lumpur dengan Ipoh ini selalu tidak dapat di-ikuti programme yang di-siarkan atau pun pemanchar daripada Ipoh atau pun pemanchar daripada Kuala Lumpur, dan kena-lah peserta atau pun orang² yang hendak mendengar radio ini mengambil gelombang pendek, tetapi gelombang pendek pun tidak bagitu terang dan saya rasa dalam peruntokan ini ia-itu Pechahan-kepala 20 dalam Kepala 106 yang di-untokkan sa-banyak $300,000 boleh jadi tujuan-nya ia-lah hendak menguatkan lagi pemanchar² yang di-rasakan lemah. Yang

menjadi perkara kapada saya dalam soal ini ia-lah oleh kerana pemanchar[2] steshen radio di-luar[2] negeri, nampak-nya, lebeh kuat daripada pemanchar[2] dalam negeri sendiri, terutama-nya kalau kita memutar atau pun meng-ambil steshen kita di-Kuala Lumpur dengan gelombang pendek, kita jarang, payah, hendak dapat di-tempat[2] yang berjauhan atau terpenchil, tetapi paling mudah mendapat siaran[2] daripada radio Singapura. Saya pernah pergi ka-kampong[2] yang jauh daripada kuasa gelombang[2] sederhana ini, tak dapat mereka mengikuti programme[2] yang di-siarkan daripada Radio Malaysia, tetapi kebanyakan daripada orang[2] kita selalu memutar steshen-nya ka-Singa-pura.

Oleh sebab itu, dengan penambahan wang sa-banyak $300,000 atau lebeh daripada ini patut di-buat, saya rasa tentu-lah pemanchar[2] kita akan lebeh berkuasa lagi dan dapat menguasaï pendengar[2] kita di-dalam negeri ini. Yang ganjil-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu siaran radio dari Peking dalam bahasa Melayu lebeh terang di-dengar daripada siaran Melayu yang di-pan-charkan di-Radio kita di-Kuala Lumpur, mengikut gelombang pendek. Jadi, ini-lah yang saya menarek per-hatian. Kalau sa-kira-nya pemanchar kita itu tidak bagitu kuat sesuai dengan pemanchar yang ada di-negeri[2] lain, saya rasa patut-lah Kementerian ini juga menuntut supaya pemanchar kita ini di-kuatkan atau di-beli atau di-baharuï supaya siaran[2] kita dapat di-dengar oleh seluroh ra'ayat negeri kita utama-nya dan juga luar negeri.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan siaran radio di-Sarawak, kadang[2] kita boleh dapat dengar dan kadang[2] timbul tenggelam suara-nya. Jadi, tujuan kita sekarang ini dalam siaran radio ini, supaya ra'ayat Sara-wak dan ra'ayat di-Malaysia Timor dengan Malaysia Barat ini selalu dapat menghubongi di-antara satu dengan lain dengan perantaraan radio, dan tali-vishen belum-lah sampai waktu-nya nampak-nya sekarang, tetapi dengan perantaraan radio maka kalau sa-kira-nya siaran yang di-siarkan di-Kuching atau di-Kota Kinabalu dapat di-terima atau pun di-dengar di-Malaysia Barat, ini saya rasa hubongan di-antara kedua daerah ini akan dapat di-eratkan lagi pada masa[2] yang akan datang. Saya menchadangkan supaya pemanchar[2] yang ada di-Sarawak dan juga di-Sabah akan di-perkuatkan lagi supaya dapat di-terima atau di-dengar oleh ra'ayat kita di-sabelah Malaysia Timor ini.

Tuan Pengerusi, berchakap ber-kenaan Kepala 108, ia-itu Pechahan-kepala 2 tentang Pusat Tata Ra'ayat di-Petaling Jaya yang di-dalam per-untokan ini saya nampak tidak ada peruntokan apa[2] dan semenjak Pusat Tata Ra'ayat yang dahulu di-pinjam di-Rumah Kedutaan Indonesia dahulu dan sa-telah di-pulangkan balek rumah itu kapada Kedutaan Indonesia, kita tidak mempunyaï sa-barang rumah untok melanjutkan usaha dalam ikhtiar kita bagi memberikan kursus[2] Tata Ra'ayat kapada pemimpin[2] kita dalam negeri ini. Saya menchadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kementerian ini mendirikan rumah bagi Pusat Tata Ra'ayat itu dengan sa-berapa mungkin yang boleh supaya ikhtiar Kerajaan atau ikhtiar Kementerian ini hendak memperhebatkan gerakan revolusi mental-nya yang pernah kita dengar itu dapat di-pusatkan pemanchar-nya daripada Pusat Tata Ra'ayat yang akan di-dirikan itu. Pada masa[2] yang telah sudah, kita banyak telah mem-berikan kursus[2] tata ra'ayat kapada pemimpin[2] hatta kapada wakil[2] ra'ayat sa-kali pun di-berikan kursus[2] tata ra'ayat itu di-Pusat Tata Ra'ayat, tetapi manakala Pusat Tata Ra'ayat itu telah di-kembalikan balek maka kita tidak mempunyaï tempat; sebab itu hasil yang di-buat oleh Pusat Tata Ra'ayat dahulu sangat memuaskan dan sangat mendatangkan kesan kapada pengikut[2] kursus, maka saya rasa ini-lah masa-nya supaya Pusat Tata Ra'ayat itu di-dirikan dengan sa-berapa segera yang boleh bagi membolehkan gerakan[2] kita memberikan kursus kapada ra'ayat negeri ini supaya men-jadi ra'ayat yang lebeh berguna.

Tuan Pengerusi, saya menguchapkan tahniah kapada Kementerian ini yang di-dalam Anggaran Perbelanjaannya menchadangkan hendak melebarkan atau meluaskan penyiaran talivishen ka-Pantai Timor dan juga ka-Sabah. Saya harap supaya penyiaran talivishen ini dapat di-segerakan di-Pantai Timor umpama-nya oleh kerana macham di-Trengganu itu terasa benar mereka itu tertinggal daripada ra'ayat yang lain dengan mengikut siaran² talivishen. Tetapi, Tuan Pengerusi, di-dalam bentok siaran² talivishen sabagaimana yang saya kata di-dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu, bahawa patut-lah juga di-semak tentang ranchangan² yang hendak di-siarkan melalui talivishen.

Tuan Pengerusi, berchakap berkenaan dengan talivishen ini, saya menguchapkan terima kaseh kapada Menteri yang berkenaan yang telah mengishtiharkan bahawa ranchangan talivishen ini akan di-perluas waktu-nya daripada yang ada sekarang, ia-itu bermula pada hari Khamis, Juma'at, Sabtu dan Ahad. Tetapi, Tuan Pengerusi, mengikut siaran yang telah di-berikan oleh pehak talivishen mengatakan bahawa siaran² tambahan itu lebeh banyak merupakan siaran² filem² dari filem² barat. Saya rasa tambahan talivishen ini kalau hendak berkesan kapada ra'ayat kita, sa-lain daripada hiboran yang biasa-nya hiboran-lah menjadi peminat² suka melihat-nya, maka yang penting-nya sa-kali ia-itu memberikan penerangan dan penjelasan berkenaan dengan pembangunan negara kita, ia-itu dengan menyiarkan filem² yang telah di-ambil oleh Filem Negara tentang pembangunan² kita di-seluroh negara ini baik di-Malaysia Barat ini mahu pun di-Malaysia Timor, sebab kita jarang sangat melihat pembangunan melalui talivishen daripada Malaysia Timor, walau pun ada tetapi tidak berapa sempurna.

Oleh sebab itu saya rasa di-dalam tambahan programme talivishen ini pada masa yang akan datang supaya di-siarkan lebeh banyak lagi ia-itu perkembangan² ekonomi, perkembangan² sosial, pendidekan dan pelajaran yang di-ambil oleh Filem Negara, tetapi belum di-siarkan di-mana juga atau tidak sempat di-siarkan lagi, di-siarkan di-dalam ranchangan tambahan talivishen Malaysia yang akan datang. Saya rasa dengan memperbanyakkan penerangan² melalui siaran talivishen daripada sudut pembangunan ini, lebeh banyak mendatangkan hasil daripada menyiarkan filem² yang datang-nya daripada barat, kadang² filem barat ini oleh kerana dia datang dari barat orang memandang dia lebeh tinggi mutu-nya. tetapi kadang² juga khayal lebeh banyak daripada yang sa-benar-nya, mithalan-nya, filem² berhantu dan sa-umpama-nya itu—kalau kita membuat, kita kata kita sudah ketinggalan zaman, tetapi kalau orang² Eropah membuat filem² hantu ini kita suka tengok. Jadi, Tuan Pengerusi, perasaan yang saperti ini patut-lah di-tukar dan untok pengetahuan atau pun untok perhatian Kemententerian ini supaya di-siarkan filem² yang lebeh berguna yang mendidek ra'ayat sebab kita hendak menukar pemikiran ra'ayat yang dahulu kapada keadaan yang lebeh maju. Maka untok penukaran ini suatu daripada masaalah-nya ia-lah perkara penyiaran siaran² di-talivishen dan di-radio supaya mereka dapat mengikuti dan dapat juga orang² memahami tujuan-nya yang besar daripada dasar Kerajaan ini. Terima kaseh.

**Tan Sri Haji Nik Ahmad Kamil (Kota Bharu Hilir):** Tuan Pengerusi, di-zaman dunia yang moden ini *mass communication media* saperti radio dan talivishen memang menjadi alat sa-suatu negara bukan sahaja pada menyampaikan khabaran² kapada anak negeri, tetapi juga di-gunakan sa-bagai satu saloran daripada segi pelajaran. Dan pada keselurohan-nya, saya bangga bahawa Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah yang tertentu kerana hendak memperelokkan lagi perkhidmatan radio dan talivishen dalam negara kita ini. Tetapi banyak lagi yang kena di-buat, dan pada saat ini saya suka menyentoh hanya berkenaan dengan talivishen di-Pantai Timor, terutama sa-kali di-negeri saya di-Kelantan.

Pada segi radio saya rasa pada masa ini telah chukup puas hati, sunggoh pun boleh lagi di-perelokkan, tetapi

tidak-lah ada apa² sungutan yang saya hendak sebut. Tetapi pada segi talivishen pada masa ini di-Kelantan hanya kita dapat pancharan, sunggoh pun saya perchaya itu bagi sementara sahaja, kita dapat pancharan melalui Kedah yang di-tangkapkan di-sabuah bukit bernama Bukit Bakar di-Kelantan. Saya faham pada akhir-nya scheme talivishen ka-Kelantan itu akan di-salorkan ikut Kuantan dan Trengganu. Bila saya perhati tengok dalam Anggaran Pembangunan di-bawah Kementerian ini Kepala 107, Pechahan-kepala 3 dan 5, ia-itu Mengembang Perkhidmatan Talivishen ka-sabahagian Pantai Timor, dan Kepala-kechil 5, Ranchangan Talivishen bagi Pantai Timor dan Kawasan Tengah, Malaysia Barat, saya telah ambil faham daripada Pegawai yang mengambil tahu dalam perkara ini, bahawa pada tahun 1969 ini hanya akan di-kembangkan perkhidmatan ini sa-hingga ka-Kuala Trengganu atau pun ka-Kemaman sahaja. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, Pegawai itu memberitahu kapada saya jikalau kita hendak dapatkan pancharan yang sempurna bergantong-lah kita kena gunakan melalui kata dia microwave system yang di-bawah arahan Jabatan Talikom.

Jadi, saya berharap-lah bagi pehak Yang Berhormat Menteri sendiri dan pegawai²-nya mendesak atau berkira dengan Jabatan Talikom supaya menyegerakan tarekan microwave itu ka-Kota Bharu. Dengan jalan itu boleh-lah, saya harap, Kementerian ini melancharkan talivishen yang chukup sempurna kapada Negeri Kelantan. Itu sahaja tegoran saya, terima kaseh.

**Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Kepala 107 Talivishen dan juga Penerangan. Di-dalam Kepala 107 ini tidak ada peruntokan yang mungkin memberikan kemudahan kapada orang² kampong hendak menengok talivishen, bagaimana chara gambar talivishen kerana sa-tengah kampong walau pun ada kemungkinan boleh membeli talivishen tetapi tidak mampu dan banyak kampong² juga telah ada elektrik tetapi orang yang dapat membeli talivishen ini ia-lah daripada gulongan orang yang berada. Kapada orang yang tidak berada mungkin tidak-lah dapat hendak menengok tayangan gambar² di-dalam talivishen². Dalam lawatan² saya kaluar² bandar, di-kampong² saya dapati bila satu kedai itu ada TV (Talivishen), maka berduyun² orang datang mengkerumuni kedai itu dan menengok tayangan ini berbatu² jauh-nya. Jadi saya tertarek hati manakala saya melawat Melaka yang negeri Melaka ada di-Dewan² orang ramai itu di-adakan, di-beri kemudahan, ada TV di-dalam Dewan orang ramai. Jadi saya rasa patut-lah juga Kementerian ini mengambil sadikit sa-banyak perhatian tentang keadaan sa-umpama itu bukan-lah semua sa-kali dewan orang ramai hendak di-adakan TV tetapi boleh diperhatikan di-mana dengan orang ramai yang boleh mampu menyara atau pun mengeluarkan perbelanjaan sadikit sabanyak tentang maintenance atau pun menyara talivishen itu, patut-lah di-beri kemudahan itu. Ini satu jalan chara mana yang baik untok hendak memberi pandangan kapada orang² ramai lebeh² lagi orang kampong yang tidak mampu dan tidak tahukan perubahan² yang ada di-dalam negara kita pada waktu ini. Dan pada ketika ini kita tahu berapa banyak perbelanjaan yang kita keluarkan untok pembangunan tetapi orang² kampong tidak tahu apa dia pembangunan yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan kita sebab-nya tidak dapat penerangan dan penyiaran gambar² yang menunjokkan ini dia benda-nya yang telah di-jalankan oleh Kerajaan kita.

Jadi ini satu daripada-nya yang saya fikir patut-lah walau pun mahal, banyak belanja Kerajaan mungkin mengeluarkan dengan ini, tetapi saya rasa ada banyak baik-nya juga tentang hal kalau kita berikan kemudahan² yang sa-umpama itu terus ka-kampong². Kerana saya rasa kebanyakan wakil ra'ayat yang ada dalam Dewan ini pun kebanyakan wakil² yang dari dalam kampong. Bukan-nya banyak wakil yang dalam Dewan ini daripada orang² bandar sendiri.

Tentu-lah sadikit sa-banyak dapat kita menunjokkan kapada orang kampong bahawa perubahan dari satu masa ka-satu masa ini dia. Saya kadang² jauh

hati menengok keadaan mereka berbatu² pergi berjalan kaki hendak pergi ka-kedai sana hendak tengok gambar talivishen. Tetapi gambar talivishen ini pun kadang² yang di-sukaï oleh orang ramai ia-lah macham cherita² chinta, kaseh sayang yang kebanyakannya dan tidak pula menunjokkan bagitu banyak tentang pembangunan. Jadi saya rasa dalam satu ranchangan "Disekitar Tanah Ayer" itu patut-lah di-panjangkan lagi masa-nya kerana saya tengok bila di-tunjokkan hanya sadikit sahaja tentang satu² perkara atau pun dalam satu² hal yang di-tunjokkan itu tidak memuaskan. Bagi orang² yang melihat itu apa dia yang sa-benar-nya belaku daripada awal hingga akhir. Jadi siaran itu tidak bagitu dapat menunjokkan apa dia yang sa-benar-nya dan apa yang menjadi faedah-nya daripada apa yang kita tunjokkan itu. Jadi saya rasa elok sangat-lah Kementerian ini mengambil berat tentang soal² yang sa-umpama ini.

Juga dalam peruntokan yang di-beri kapada Studio Filem Negara yang merupakan satu peruntokan hanya $430,000, saya rasa Filem Negara ini patut-lah di-beri pandangan yang berat sa-kali, kerana apa yang saya katakan tadi orang sangat menghargakan filem² ini, lebeh² lagi orang² kita yang dikampong² tidak bagitu pergi keluar menengok wayang gambar dan lain²-nya. Jadi kaedah-nya tentu-lah Filem Negara ini dapat menyuarakan atau pun dapat menggambarkan apa dia yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan kita itu terus ka-kampong².

Jadi peruntokan yang sa-umpama ini tidak-lah bagitu sesuai pada pendapat atau pandangan saya sendiri. Jadi saya rasa tentang pengeluaran filem pembangunan juga hanya $47,000 lebeh sadikit. $47,000 ini saya rasa tidak sajauh mana yang dapat di-jalankan oleh pehak Filem Negara untok hendak menjalankan dan mengambil gambar tentang pembangunan² kita yang berselerak di-seluroh negara kita pada masa sekarang ini.

Jadi saya ingat kalau Kementerian ini sa-benar-nya mengambil perhatian berat di-atas soal filem ini saya rasa tentu-lah dapat kita satu perubahan yang lebeh besar pada masa yang akan datang ini.

Juga dalam panggong wayang gambar nampak saya tidak bagitu banyak di-tayangkan sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat wakil dari Hilir Perak tadi, tidak bagitu banyak di-tayangkan dalam wayang gambar tentang hal² pembangunan kita pada masa ini. Jadi, ini juga saya rasa perlu-lah pehak Kementerian ini menyiasat sadikit tentang hal ini dan berikan peluang supaya dapat Filem Negara meluaskan tayangan-nya, dalam masa mereka menayangkan wayang gambar itu menyulamkan dan menayangkan gambar² saperti gambar pembangunan yang kita jalankan umpama ranchangan FLDA kita, ranchangan terkawal kita dan ranchangan Perusahaan² yang besar² di-sana sini. Banyak perubahan² yang kita boleh tunjokkan kapada ra'ayat kita bukan sahaja yang mana saya katakan tadi hendak tunjokkan ka-kampong² tetapi dalam panggong² wayang dalam bandar² pun kita boleh dapat memberikan pengertian ra'ayat seluroh-nya bahawa Kerajaan sentiasa menjalankan dan memperhebatkan usaha pembangunan di-dalam negara kita ini. Jadi, saya rasa itu sahaja yang hendak saya chakapkan dalam Kementerian ini dan saya uchapkan terima kaseh banyak.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Pengerusi, dalam masaalah membahathkan Anggaran Pembangunan dalam Kementerian Penerangan dan Penyiaran ini, saya suka hendak berchakap dalam Kepala² 106—Radio, Talivishen—107, 108 dan 118. Tuan Pengerusi, pehak diri saya sendiri, Tuan Pengerusi, menguchapkan tahniah banyak² kapada Kementerian ini, kapada kakitangan Jabatan Radio, Talivishen dan Filem Negara kerana usaha-nya hendak menunjokkan bukan sahaja kapada ra'ayat dalam negeri tetapi kapada mereka yang luar daripada negara kita ini diatas usaha kita dalam pembangunan persatuan yang kokoh di-antara pendudok² dalam negeri ini yang di-anjorkan oleh Kementerian ini. Dan saya tidak lupa menguchapkan tahniah

kapada akhbar² yang sama memperjuangkan dalam usaha memperkembangkan dan memupok perpaduan negara bersama² dengan usaha radio dan talivishen juga.

Tetapi bagi saya kawasan yang pendalaman dalam bahagian Malaysia Barat ini sa-hingga hari ini pun dalam kawasan saya dan sa-bahagian daripada negeri saya dan ra'ayat dalam negeri saya di-Pahang sana tidak merasa nikmat talivishen walau pun hati kechil tiap² ra'ayat dalam negeri saya itu berkehendakkan nikmat merasa penerangan dan perkara yang di-bentangkan dan di-gambarkan dalam talivishen sama dengan hasrat ra'ayat negeri lain dalam Malaysia ini tetapi memandangkan kapada keadaan kewangan negara kita yang bagini terbatas, rasa itu terpendam. Walau pun bagitu saya menguchapkan terima kaseh banyak kerana ada di-dalam Kepala 107 Pechahan-kepala 3 dan 5 berhubong membaiki keadaan dan penyampaian talivishen dalam bahagian tengah Malaysia Barat juga Pantai Timor tetapi saya harap kiranya usaha ini dapat di-usahakan lebeh dahulu daripada yang lain itu, dan saya menguchapkan terima kaseh lagi sakali.

Tuan Pengerusi, bila saya sentoh radio ada beberapa perkara dalam siaran radio ini yang patut kita baiki. Pertama sa-kali di-dalam siaran berita daerah, pemancharan dari Kuala Lumpur chuma menyatakan penyiaran daerah daripada Selangor dan Negri Sembilan. Jadi rasa² kita negeri² lain itu walau pun ada Pemberita² Radio tetapi oleh sebab keistimewaan di-beri kapada Selangor dan Negri Sembilan, jadi peluang pada negeri lain itu tidak bagitu banyak. Saya menchadangkan supaya siaran daerah ini di-gilir²kan bagi tiap² negeri jangan di-khaskan untok Negri Sembilan dan Selangor sahaja, ma'ana-nya pada malam ini negeri Trengganu atau malam esok negeri yang lain bagitu-lah kita gilir²kan semua di-Malaysia termasok Malaysia Barat dengan Malaysia Timor. Di-samping itu Pemberita² Radio daripada negeri itu boleh-lah menchelah dalam masa² yang ditentukan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masaalah pembachaan Qur'an. Pembachaan Qur'an ini biasa-nya pada pukul 11.45 malam kemudian di-ikuti dengan berkat illahi pada pukul 11.55. Saya menyarankan, Tuan Pengerusi, supaya pembachaan Qur'an ini dapat di-tambah pada waktu yang lain sama ada kita kurangkan hiboran yang lain pada umpama-nya sa-lepas atau sa-belum waktu maghrib. Sekarang ini pada waktu maghrib chuma kita dengar azan kalau kita tambah penyiaran bachaan Qur'an sa-belum azan atau sa-lepas azan maka ini boleh dapat di-nikmati oleh sa-bahagian besar pendengar². Jadi, kalau kita hendak dengar pembachaan Qur'an pada tiap² malam di-radio kita, kita mesti menunggu sa-hingga pukul 11.45 malam, Tuan Pengerusi. Jadi mengikut ajaran Islam mendengar ayat suchi pun mendapat berkat dari illahi. Jadi, untok kita hendak memusatkan kejernehan jiwa kita apa salah-nya kalau sa-kira-nya ranchangan ini di-tambah pada waktu² yang lain. Jadi, ini-lah saya minta pandangan saya ini dapat di-timbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyatakan dalam Dewan ini Kepala 108 Pechahan-kepala 3—Unit² Berkereta. Saya khususkan membuat permintaan untok kawasan saya, Tuan Pengerusi. Dua tahun dahulu Yang Berhormat Menteri Penerangan telah berjanji hendak menghantar unit berkereta ini dalam kawasan saya. Kawasan saya sekarang ini ada mempunyaï dua daerah, daerah Jerantut dan daerah Lipis. Unit berkereta chuma ada di-daerah Lipis sahaja, sebab pembangunan jalan raya yang baharu unit berkereta itu terpaksa pergi ka-Jerantut pada satu ketika kemudian balek ka-Kuala Lipis yang jauh-nya 60 batu. Jadi, dengan jalan demikian satu kawasan mendapat penerangan daripada kereta penerangan, kawasan lain nanti giliran. Jadi, saya memohon-lah dengan perbelanjaan yang ada ini di-hantar satu unit ka-daerah Jerantut, saya menuntut janji yang telah di-janjikan. Jadi, saya fikir Menteri Yang Berhormat akan sedia bersama dengan saya pertama dalam masa kita berhajat hendak

memberi penerangan yang lebeh chekap dalam masa kita menghadapi kempen² pada masa yang akan datang supaya ra'ayat dapat memileh, mengetahuï yang mana baik dan yang mana benar.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam masaalah Muzium Negara. Muzium ini ada di-peruntokkan dalam Kepala 118 Pechahan-kepala 6 sa-banyak $189,000. Sa-bagaimana keterangan Menteri yang Berhormat tadi duit ini akan di-gunakan untok membeli alat² dan menambah tempat kerana barang² di-Muzium Negara ini bertambah banyak daripada satu hari ka-satu hari. Saya suka hendak menarek pandangan, Tuan Pengerusi, masaalah patong, patong yang ada di-belakang Muzium Negara sekarang ini ia-itu patong atau simbol penjajahan yang kita telah alehkan daripada tempat asal-nya sekarang di-simpan di-belakang Muzium Negara. Saya menyarankan kapada Yang Berhormat Menteri supaya patong itu tidak-lah sayugia kita biarkan bagitu. Sa-patut-nya kita buatkan rumah yang kechil, di-simpan dalamnya supaya dia tidak berhujan dan berangin. Kita malu, Tuan Pengerusi, kalau ada pelawat daripada luar negeri apa yang kita buat kapada batu peringatan, atau patong peringatan kapada orang yang telah memerentah kita pada masa dahulu. Saya rasa kalau kita hendak memupuskan (menghapuskan) saki-baki penjajahan ini, banyak lagi, Tuan Pengerusi. Kita maseh lagi mengadakan atau mengikuti chat yang lama kapada bangunan Kerajaan di-Melaka yang terkenal dengan nama Bangunan Merah, Pejabat Pentadbiran Negeri Melaka. Warna Merah itu maseh kita kekalkan; daripada zaman Belanda hingga hari ini kita tidak tukarkan chat-nya. Kita maseh banyak lagi menggunakan nama² orang yang pernah memerentah kita dalam bandar² di-Kuala Lumpur ini sendiri. Kita banyak lagi masaalah-nya dalam chara kita berfikir sendiri pun, kita maseh mengikuti chara² penjajahan. Jadi, tentang patong ini sahaja yang kita ambil berat; yang lain ini kita biarkan. Jadi, saya untok hendak menjaga sama² nama baik negara kita, apa salah-nya patong itu kita letakkan di-tempat yang sa-patut-nya. Saya tidak berhajat dan bermaksud bahawa patong itu di-bawa ka-dalam Muzium Negara; asal sahaja di-belakang bangunan Muzium Negara itu di-buat rumah, di-letakkan dengan sa-patutnya supaya takut kalau² pelawat yang datang bukan sahaja melawat bahagian hadapan, sebab sa-saorang pelawat yang baik, ia akan menengok bahagian belakang.

Kalau kita pergi ka-sa-sabuah negara bukan sahaja kita menengok kota, atau Petaling Jaya, kita harus juga kalau ada peluang berjalan di-Gombak Lane, atau di-kawasan² sesak, baharu-lah kita boleh menimbangkan kemajuan sasabuah negara itu. Jadi, saya rasa panjang saya berchakap, Tuan Pengerusi, dalam masaalah patong ini, hanya saya memohon kira-nya pandangan saya ini dapat di-terima dengan baik oleh Menteri Yang Berhormat.

Sa-lain daripada Muzium Negara ini, kita ada Muzium Angkatan Bersenjata dan Angkatan Bersenjata juga mengadakan muzium-nya yang dibenarkan kapada orang ramai melawat, kalau hendak melihat Muzium Angkatan Bersenjata, asal sahaja dapat kebenaran. Saya menyarankan, Tuan Pengerusi, supaya semua alat² bersejarah ini kalau dapat patut di-kumpulkan di-satu tempat sama ada itu hak Angkatan Bersenjata atau bukan hak Angkatan Bersenjata.

Saya fikir kalau kira-nya masaalah ini kurang wang, Kementerian yang berkenaan harus tidak malu² memohon wang dalam Dewan ini. Jadi, kalau kita ambil mithalan-nya daripada muzium di-Masir dan Cairo. Kalau kita pergi ka-Muzium di-Cairo, umpamanya, kita boleh dapati daripada zaman Masir mulaï beraja sa-hingga sampai kapada tumpas-nya pemerentahan beraja di-Masir, dengan pakaian, dengan alatan, dengan alat tentera dan sa-bagai-nya dan pada masa yang akhir² ini, Tuan Pengerusi, Istana Farouk sendiri di-jadikan muzium oleh Kerajaan Masir; di-benarkan ra'ayatnya menggunakan, atau melihat muzium itu. Jadi, apa-lah salah-nya kalau Muzium Angkatan Bersenjata itu kita satukan dengan Muzium Negara yang ada pada hari ini.

Sa-lain daripada itu, saya hendak menyentoh masaalah Studio Filem Negara. Pada masa yang akhir ini, kita harus memberi pujian kapada Filem Negara kerana telah membuat gambar yang baik, yang bermutu, yang menggambarkan pembangunan dan kemajuan serta perpaduan ra'ayat dalam negara kita yang merdeka ini, terutama di-dalam masaalah gambaran Pertandingan Membacha Qur'an yang telah di-hantar ka-Timor Tengah dan dapat sanjongan daripada ra'ayat di-Timor Tengah yang lebeh mengenali negara kita dari dekat atas usaha kita menayangkan atau menggambarkan Pertandingan Membacha Qur'an. Saya menyarankan lagi, Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini, ia-itu filem² negara yang di-buat oleh Studio Filem Negara ini hendak-lah merupakan gambar perpaduan—gambar yang merupakan perpaduan antara kaum, keharmonian dudok di-antara orang Melayu, orang China, orang India yang kita dapat tunjokkan kapada ra'ayat dan juga kapada luar² negeri. Jadi, dengan jalan itu kita dapat mengasoh rasa safahaman, rasa keharmonian. Jadi, pada masa sekarang ini kebanyakan Filem Negara ini ia-lah membuat gambar pembangunan negara. Saya pun bersetuju gambar ini perlu di-buat, tetapi gambar yang berupa cherita harus kita usahakan.

Di-samping itu umpama-nya saya katakan sa-bagai ra'ayat di-kawasan saya, ra'ayat di-dalam pendalaman, Tuan Pengerusi, peluang hendak melawat ka-kota Kuala Lumpur ini memang jarang, atau susah, kerana kedzaifan atau susah perhubongan. Kalau Filem Negara boleh mengambil umpama-nya Muzium Negara menggambarkan sa-penoh Muzium Negara itu daripada satu babak ka-satu babak, daripada satu peringkat ka-satu peringkat, gambar itu—gambar yang ada dalam Muzium Negara ini yang merupakan ra'ayat di-luar bandar, bila memandang, atau melihat gambar Filem Negara berhubong dengan muzium ini sa-akan² ia-nya ada melihat muzium itu sendiri. Kita patut mengambil pandangan daripada Filem² Negara lain, Tuan Pengerusi, umpamanya Filem Rumah Allah, ia-itu mencheritakan daripada permulaan umat Islam pergi ka-Mekah sa-hingga selesai rukun haji. Barang siapa melihat filem itu sa-akan² ia-nya ada bersama² dalam masa di-tanah suchi, dalam masa mengambil, menyempurnakan rukun haji itu. Jadi, gambar yang sa-umpama ini-lah yang kalau kita dapat, Tuan Pengerusi, di-usahakan oleh Filem Negara ini, saya fikir akan lebeh memberi kesan.

Sa-lain daripada itu gambar² yang merupakan kehendak² negara kita sekarang ini. Kalau dalam masa negeri kita ini berhadapan dengan musoh dalam confrontasi demi confrontasi, kita harus menggambarkan masaalah bagaimana gaya-nya ra'ayat negeri boleh memberikan pertolongan dalam masaalah memberi gambaran dan bantuan, atau menarek perhatian-nya supaya ia lebeh suka berkhidmat dalam tentera umpama-nya. Jadi, pada hari ini, Tuan Pengerusi, jikalau kita tengok gambar Filem Negara Lulus Ujian di-Sungai Besi, di-Port Dickson dan sa-umpama-nya, kita akan dapati sa-kali sa-kali tentera kita berbaris dan Menteri² Yang Berhormat akan mengambil tabek, sa-lepas itu bertukar dengan chara yang lain; yang kita mahu, Tuan Pengerusi, ia-lah gambar yang berupa chara kehidupan sa-hari². Umpama-nya tentera itu daripada mula masok berkhidmat dalam Pasokan Tentera, kalau boleh akhir-nya sa-hingga ia boleh menyandang pangkat yang tinggi. Jadi, gambaran yang macham ini akan memupok semangat kasteria, semangat kasehkan bangsa dan tanah ayer, kita pupok dengan chara melihat gambar dalam filem ini. Saya rasa bagitu-lah juga yang lain². Jadi, saya berterima kaseh kalau sa-kira-nya pandangan saya ini dapat pertimbangan. Terima kaseh, Tuan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya saya berchakap di-bawah Kementerian Penerangan, ia-itu berkenaan dengan Pechahan-kepala 17, Kepala 106—Maktab Latehan Penyiaran. Di-sini kita meminta $9,316,043. Saya minta latehan ini di-buat bukan sahaja untok keperluan dalam negeri, tetapi juga chara² membuat latehan kapada seberang laut, dan saya mengshorkan kapada Kerajaan supaya menambahkan

lagi bahasa² yang di-guna di-dalam siaran ka-seberang laut terutama di-dalam bahasa Urdu dan bahasa Arab. Bahasa Urdu, Tuan Pengerusi, kira² lebeh 300 juta manusia yang dapat memahami bahasa itu dan dunia Arab 100 juta, bagitu juga bahasa Thailand bahasa negeri kita yang paling hampir sa-kali, jiran kita. Jadi bahasa² ini patut-lah kita tambahkan bukan siaran biasa tetapi siaran² untok seberang laut sa-minggu sa-kali atau pun sa-minggu dua kali.

Yang kedua Pechahan-kepala 3 Kepala 107 ia-itu Mengembangkan Perkhidmatan Talivishen ka-Pantai Timor. Ini telah banyak di-perchakapkan oleh sahabat² yang lain. Apa yang saya hendak sebutkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah talivishen di-Pantai Timor amat-lah mustahak oleh kerana perhubongan negeri Pantai Timor dengan Ibukota atau pun bandar² yang besar amat jauh dan kalau ada talivishen ini tentu-lah lebeh mendekatkan lagi pehak Pantai Timor dengan Pantai Barat dan saya minta-lah siaran itu di-lakukan dengan adil ia-itu di-siarkan sama atau pun di-tayangkan sama berita² yang kena-mengena dengan negeri Pantai Timor tidak-lah di-siarkan yang kena-mengenaï dengan Pantai Barat sahaja.

Filem, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 4 di-bawah Kepala 108 ia-iu Pengeluaran Filem Pembangunan. Ini telah di-chakapkan juga tadi. Yang saya hendak minta satu sahaja, Tuan Pengerusi, supaya kita mengadakan filem yang di-namakan "Ini-lah Malaysia" atau pun "This is Malaysia". Kita tunjokkan sejarah-nya sadikit kemudian sudut² atau pun aspek² kehidupan di-negeri kita sama ada dari segi pendidekan tentera, ke'adilan dan berbagai² lagi. Jadi dengan filem itu meliputi segala²-nya. Ini amat mustahak untok negeri² luar.

Tuan Pengerusi, saya tengok sendiri sa-buah filem Malaysia kita yang—saya tidak tahu ada-kah di-kirim melaluï Kedutaan atau pun oleh pehak bersendirian yang menayangkan—saya lihat di-sabuah negeri di-Mediterranean ia-itu gambar berkenaan dengan Hang Tuah, tunjok bersilat-nya, baju pun tidak pakai, kasut pun tidak pakai, rumah pun memang-lah rumah zaman Hang Tuah itu memang betul dari segi history-nya, tetapi orang itu memandang ini-lah Malaysia. Dudok baik² berchakap baik² sudah taroh keris hendak bertikam. Baju pun tidak pakai, lompat sana, lompat sini, rumah pun buloh dudok bagitu. Jadi apabila hendak melihat gambar itu saya pun berbangga dan saya kata "This is my country." Jadi saya pun tengok, bila tengok gambar itu, saya kata ini sejarah khayal. Dia kata tidak ada-kah gambar yang betul? Dia kata Hang Tuah ini buku novel yang sudah classic, macham mana kata khayal. Saya hendak jawab pun tidak boleh. Jadi kalau-lah kita ada satu gambar yang saya katakan "This is Malaysia" atau pun "Ini-lah Malaysia" mengikut kedudokan sekarang, saya rasa lebeh baik daripada apa yang ada.

Yang lagi satu, Tuan Pengerusi, tidak 'adil, saya tidak hendak kata Kementerian Penerangan dan Penyiaran, yang saya tahu ini Kementerian Perdagangan dan Perusahaan menunjokkan kechergasan perusahaan di-negeri kita ini, tunjok kesemua negeri factory itu factory ini, sampai ka-Kelantan lalu sahaja kain batek kemudian itu dahulu saya telah mengadu kapada Tuan Pengerusi, tunjok pokok kelapa, tunjok berok melompat sana, melompat sini. Jadi dua tiga kali sudah saya sebutkan perkara ini, jadi patut-lah filem² itu kita buangkan.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan gambar² filem ini yang saya hendak sebutkan lagi ia-lah dari sudut pendidekan. Dari sudut pendidekan kita langsong tidak mempunyaï gambar² yang dapat di-pamirkan atau pun yang di-beri kapada orang² luar untok memahami kita. Sa-hingga, Tuan Pengerusi, ada sa-orang guru di-luar negeri sudah tetap hendak datang ka-Malaysia apabila dia melihat gambar² lama, saperti gambar Hang Tuah dan bagitu bagini dia takut hendak datang ka-Malaysia ini dan apabila dia datang dia bawa-lah satu bungkusan besar sa-jengkal. Saya menyambut guru itu, bungkusan itu jatoh. Saya tanya "Bungkusan apa ini?" Dia kata, "Razor blade,"—pisau penyukor. Saya kata, "Mengapa bagitu

banyak?" "Saya minta ma'af, saya fikir di-negeri tuan tidak ada pisau janggut itu sebab kebanyakan gambar² yang saya tengok kesemua orang²-nya berjanggut!"—dia menengok gambar lama! Ini, Tuan Pengerusi, pernah saya berchakap dengan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan sendiri dan beliau itu sudah bersetuju tetapi saya tidak tahu adakah filem² ini hendak di-buat di-atas dasar perniagaan atau pun dasar service—di-atas commercial basis, saya tidak tahu. Kalau-lah ini dapat kita buatkan maka tentu-lah lebeh elok tidak membazir.

Tuan Pengerusi, filem Bachaan Qur'an. Saya, Tuan Pengerusi, pada satu masa baharu² ini di-beri peluang mengiringi Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian melawat negeri² Islam dan ada di-satengah² negeri itu kita tunjokkan filem itu. Bila tunjokkan filem itu, filem itu kechil yang di-ambilnya ia-lah muka orang yang membacha Qur'an. Jadi terkadang² itu kepala-nya sa-paroh tinggal mulut-nya dengan tangan-nya dudok membacha itu. Itu memang tidak elok, Tuan Pengerusi, sebab waktu dia membacha Qur'an mata-nya pun tutup, gigi-nya pun terkeluar, jadi nampak yang itu sahaja (*Ketawa*)—orang-nya langsong tidak nampak. Ini saya tengok sendiri dinegeri Afghanistan. Saya tengok, saya kata, "Kalau macham ini, macham mana Dato? Kita tidak usah tunjokkan-lah." Jadi tidak menarek. Sa-patutnya gambar yang macham itu kalau kita buat technicolour pun tidak apa, tidak rugi. Kemudian kalau hendak tunjok pun, Tuan Pengerusi, tunjokkanlah kesemua lapisan. Tunjok tok² 'alim, ustaz², sahaja dengan orang bacha Qur'an chuba tunjokkan lain², budak² sekolah, wanita². Jadi orang nampak jenis² itu banyak.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, sa-minit atau pun dua minit sahaja berkenaan dengan bachaan Qur'an yang di-sebutkan oleh saudara saya daripada Lipis tadi. Saya tidak hendak berchakap dari segi membacha Qur'an itu tetapi saya hendak berchakap dari segi muzik, sa-lepas azan, waktu Maghrib. Sa-sudah sahaja azan bunyi muzik padang pasir. Muzik² itu instrumental, memang-lah tidak ada nyanyian-nya tetapi muzik itu yang saya pernah tengok filem-nya filem tari gelek (*Ketawa*). Yang di-katakan Allah-hu-akbar, Allah-hu-akbar, habis itu Lailahaillah terus bunyi muzik itu. Jadi kalau orang yang biasa tengok gambar filem itu terbayang-lah didepan-nya itu tari gelek dan di-waktu itu juga dia hendak pergi takbir hendak sembahyang. Jadi . . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Apa dia tari gelek itu? (*Ketawa*).

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, orang yang menamakan tari gelek, saya pun tak . . . . . (*Ketawa*).

Lepas itu, Tuan Pengerusi, saya hendak mengulangkan lagi satu perkara yang saya perchaya, Tuan Pengerusi, bersetuju dengan saya ia-itu lagu Masir, padang pasir yang saya sebutkan tadi, keronchong. Jadi tidak patut-lah kita sudah azan keronchong Arab yang itu. Tetapi bagi masharakat Melayu kita ini kalau sebut nyanyian Arab semua dia ingat shorga belaka, pada hal itu keronchong, sama-lah dengan kita menyanyi lagu Terang Bulan, Laksana Bentan, Seri Lanang, Telaga Tujoh, Telaga Biru—semua-nya sama dengan itu.

Jadi pada satu hari tetamu² Arab, yang datang dari negeri Arab, datang ka-rumah saya dan sudah azan dia pun hendak sembahyang, terus bunyi muzik tadi. Kata-nya, "Masha' Allah! Kamu champorkan ini dua²." (*Ketawa*). Jadi ini, Tuan Pengerusi, nyata-lah yang kita di-negeri kita ini tak dapat hendak membedzakan langsong antara ibadat dengan keronchong. Jadi, kalau kita sudah berazan, itu di-katakan kata² mestika, ada lebeh baik daripada keronchong² Arab. Saya pun tidak tahu siapa yang memileh, Pegawai² Arab, yang memileh keronchong itu, dudok di-situ, yang pergi letak di-situ. Ini reflection atau pun menggambarkan watak orang Melayu kita ini di-situ, di-situ sahaja dudok tingkat-nya, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara):** Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sadikit sahaja

uchapan saudara saya dari Bachok, sa-belum saya berchakap perkara lain, fasal Yang Berhormat itu ada complaint fasal gambar di-Kelantan banyak gambar orang² melompat. Saya rasa 'adil juga gambar itu di-tunjokkan bagitu kerana kebanyakan pemimpin² di-Kelantan sekarang ini itu-lah sifat dia suka lompat melompat, macham yang berlaku tahun lepas dan peristiwa besar yang di-namakan Peristiwa Lompat Melompat.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, di-bawah dutiran mana beliau berchakap ini (*Ketawa*).

**Wan Abdul Kadir bin Ismail:** Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh satu dua perkara sahaja. Yang pertama tentang Filem Negara, Kepala 108, Pechahan-kepala 1. Saya ingat, saya rasa, Tuan Pengerusi, bahawa Filem Negara telah menjalankan peranan-nya dengan baik dalam membuat filem² yang sunggoh² memberi faedah yang besar kapada Pembangunan Negara kita ini, menanamkan semangat ta'at setia dan memberi gambaran yang betul di-atas perkara yang berlaku di-tanah ayer kita masa ini.

Satu perkara yang menarek perhatian ia-lah bahawa filem² yang di-buat oleh Filem Negara ini biasa-nya di-tunjokkan oleh unit² bekerja Jabatan Penerangan. Hanya ada satu dua panggong wayang sahaja yang menunjokkan filem² itu. Unit² bekereta ini terlalu terhad dan crowd-nya pun terdiri daripada orang² di-luar bandar. Crowd yang pergi ka-panggong² wayang barangkali lebeh ramai daripada crowd yang dapat di-tarek oleh unit² bekereta itu. Saya merasa filem yang di-buat oleh Filem Negara ini sangat mustahak di-tunjokkan oleh semua panggong² wayang.

Terajidi negara kita ini, Tuan Pengerusi, ia-lah panggong² wayang kita ini merupakan satu monopoly yang di-kuasaï oleh dua sharikat besar—Shaw Brothers dan Cathay. Di-mana² ada filem panggong wayang di-seluroh negara kita ini, kepunyaan dua sharikat gergasi ini-lah. Maka saya merasa satu chara yang elok supaya filem² ini di-mestikan di-tunjok dalam semua panggong² wayang yang ada di-seluroh negara kita pada tiap² kali filem yang di-keluarkan oleh Filem Negara ini di-keluarkan ia-lah supaya di-buat satu peratoran yang semua panggong² ini mesti menunjokkan sa-bagai sa-bahagian daripada pertunjokan 'am-nya, filem² yang di-buat oleh Filem Negara.

Saya dapat tahu bahawa sekarang ini terlalu terhad naskhah² yang hendak di-bagi kapada panggong² wayang ini. Oleh kerana kebongkakan dan kesombongan sharikat² besar panggong wayang ini, mereka tidak mahu membayar satu sen pun duit. Jikalau pehak Jabatan Filem Negara hendak tunjokkan filem mereka, mereka hendak tunjokkan free. Jadi naskhah perchuma yang dapat di-bagi kapada filem² ini sangat terhad. Saya fikir patut di-buat satu peratoran dengan suatu chara, dengan suatu jenis pembayaran, dapat di-lakukan oleh pehak² filem² ini bagi menunjokkan filem² ini di-dalam panggong masing² dan dengan itu dapat-lah Filem Negara ini mendapat ongkos yang lebeh bagi membuat naskhah² yang lebeh daripada filem² itu. Saya merasa bahawa filem² yang di-buat oleh Filem Negara ini sa-puloh, bahkan sa-ratus kali ganda lebeh baik daripada sa-tengah² filem yang chabul yang di-tunjokkan oleh pengeluar² filem² yang ada di-negeri kita ini pada masa ini. Tuan Pengerusi, maka oleh sebab itu saya merasa tidak boleh di-biarkan perkara ini berlanjutan kerana kita hendak membentok fikiran ra'ayat kita hendak menjalankan revolusi mental. Sa-lagi ini tidak dapat kita salorkan kapada panggong² wayang, supaya di-tunjokkan di-tiap² panggong wayang segala filem² yang di-buat oleh negara ini, hasil kita terchapai sangat sadikit.

Saya tengok, di-beberapa negeri yang saya telah pergi melawat, terutama di-Timor Tengah, kebanyakan panggong wayang atau kesemua panggong wayang yang ada di-sana menunjokkan kesemua filem yang di-keluarkan oleh pehak Filem Negara negeri masing², maka saya rasa ini satu chara dalam kita menjalankan revolusi mental kita ini supaya dapat filem² yang di-buat oleh Filem Negara yang memang mutu-nya baik dalam memupok semangat, menanam bibit kaseh dan chinta kapada tanah ayer, merapatkan

aerial-nya dan barangkali oleh sebab di-fikirkan aerial-nya ini tak chukup panjang di-tambah lagi 50 kaki sa-hingga 100 kaki pun tak terang, sa-hingga ada yang menambah 150 kaki—gambar-nya bagitu juga. Jadi atas kesulitan ini-lah maka pendudok[2] di-sana sangat berdukachita kerana ran-changan talivishen ini telah meluas di-tempat[2] dan bahagian[2] yang lain tetapi kawasan yang saya sebutkan tadi maseh lagi tertinggal. Dalam pertemuan saya dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam masaalah ini, Menteri yang berkenaan berpendapat memang mustahak di-adakan sa-buah steshen kechil di-sana, tetapi oleh sebab kekurangan wang negara maka mung-kin barangkali tidak dapat di-bena tetapi walau pun demikian Tuan Penge-rusi, oleh sebab ada peruntokan teru-tama sa-kali di-dalam Pechahan-kepala 5 ia-itu Ranchangan Talivishen bagi kawasan[2] tengah Malaysia Barat yang saya berpendapat ada-lah termasok kawasan Negeri Sembilan sa-bagai-mana yang saya sebutkan tadi, maka kalau sa-kira-nya boleh sa-telah di-siasat dan ini terpulang-lah kapada pakar[2] talivishen, elok-lah di-perluas-kan atau pun di-perkuatkan seteshen yang ada sekarang sama ada di-Bukit Mantin atau pun di-Bukit Tampin dan dengan chara yang demi-kian saya perchaya dapat-lah per-untokan itu di-ambil daripada per-untokan yang ada di-dalam Pechahan-kepala 5 itu untok memperkuatkan ranchangan itu dan mudah[2]an dengan chara ini dapat-lah talivishen itu di-nikmati oleh pendudok[2] di-dua[2] daerah yang saya sebutkan tadi ia-itu Jelebu dan Kuala Pilah ter-masok sa-kali kawasan Baharu. Semen-jak beberapa lama yang lampau. Tuan Pengerusi, sering sekali-lah pem-besar[2] kita sama ada daripada Ibu Kota ini dan juga daripada luar negeri melawat kawasan[2] yang saya sebutkan tadi dan memang-lah pehak[2] Talivishen Malaya menghantar pegawai[2] untok mengambil gambar[2] peristiwa dalam masa lawatan pembesar[2] itu dan pen-dudok[2] di-sana berharap supaya teru-tama sa-kali mereka[2] yang mem-punyaï peti talivishen ini dapat melihat gambar[2] yang telah di-ambil di-hadapan mereka sendiri, tetapi malang-nya sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi gambar itu keluar tetapi tidak dapat hendak di-teka, gambar itu betul-kah gambar yang di-ambil di-daerah itu atau pun barangkali gambar yang di-ambil di-Lipis-kah. Trengganu-kah atau pun di-Kelantan kerana gambar itu kelam sa-bagaimana thalji turun, atau pun ayer hujan turun.

Jadi dengan rengkas-nya, Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya mengulangi kerana seringkali saya di-desak dalam perkara ini oleh pendudok[2] kedua[2] daerah itu supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memi-kirkan dan memenongkan perkara ini sa-kali lagi dan menimbangkan supaya ranchangan ini di-perbaiki bagi ka-wasan yang saya sebutkan tadi. Terima kaseh.

**Tuan D. A. Dago anak Randan (Sarawak):** Mr Chairman, Sir, I would like to touch on page 13, Sub-heads 61 to 65 and page 15, Sub-heads 21 to 23—Radio and Information. Mr Chair-man, Sir, I regret to say that the Minis-ter concerned did not answer my query on the question as to whether there is any representative or representatives from Radio Malaysia and Information Services, Sarawak here for the purposes of recording the important points or events of the day-to-day proceedings of the Dewan Ra'ayat. If there is none, I suggest that it is high time now that the Government got one or two representa-tives, so that the people of Sarawak are well kept informed as to what is going on in this Honourable House.

Mr Chairman, Sir, the majority of the people in rural areas are illiterate. So, they get information or news only through radio. That is why it is very important that the Minister concerned should see to it that every Section of Radio the reception is in order. At the moment the Bidayuh (Land Dayak) Section of Radio Sarawak has very poor reception—that is to say that the sound is not clear because it is being disturbed by the sound of other stations. I therefore, Mr Chairman, Sir, strongly appeal to the Minister concerned to see to it that this parti-cular Section is improved immediately.

**Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara):** Tuan Pengerusi, saya masok dalam Kepala 106 Radio, Penerangan dan Penyiaran ia-itu bahagian Radio dan 107 Talivishen. Yang pertama saya hendak berchakap berkenaan hal radio ini. Apabila kita mengikuti apa yang sedang di-jalankan oleh Jabatan ini terutama sa-kali bagi kita hendak memenohkan kehendak² negara, rasa saya kurang di-perhatikan oleh Menteri yang berkenaan. Saya mengagakkan pekerjaan yang di-jalankan didalam Kementerian ini hanya di-serahkan kapada Bahagian² yang akan dijalankan oleh Ketua tiap² bahagian² itu dengan sendiri sahaja. Sebab banyak perkara² yang saya nampak tidak mengikut atau menurut kemahuan² ra'ayat sekarang ini atau pun kemahuan negara yang sedang membangun ini.

Mithal-nya, di-dalam hal² dalam negara kita ini, kita ambil dalam hal radio tentang Warta Berita. Ada pernah kita membuka siaran Warta Berita langsong sa-patah pun tidak ada berita dalam negeri. Jadi ini ganjil sunggoh kalau kita mengikuti Warta Berita pukul 8.30 pagi atau 7.30 kadang² hanya barangkali tidak sampai dua sa'at berita yang terbit atau pun yang ada terjadi dalam negeri. Jadi saya rasa kita telah pun menubohkan satu pusat berita baru² ini yang kita tahu ia-itu Bernama apa-kah berita² yang patut di-ketahui oleh ra'ayat walau pun tidak di-gunakan untok luar negeri kapada orang² luar kapada dunia luar tetapi saya rasa mustahak juga kapada ra'ayat yang ada dalam negeri ini tahu apa-kah negeri mereka ini, macham mana-kah gaya-nya, apa yang terjadi dan ini kita dapat mengikuti ada satengah² saya bersetuju dengan fikiran yang di-keluarkan oleh sahabat saya dari Kuala Trengganu Utara kadang² hal yang besar berlaku dalam negeri kita ini hanya sa-kali sahaja di-siarkan sedangkan yang berlaku di-luar negeri kadang² berulang² sa-olah² kita ini main angan² sahaja apa yang berlaku dalam negeri kita yang sa-betul-nya kita tidak dengar.

Umpama-nya yang baru² ini katalah kematian Tuan Yang Terutama Gabenor Pulau Pinang, biasa-nya kalau hal yang besar macham ini siaran² biasa ada berhenti kemudian di-siarkan, barangkali dengan penyiaran yang pertama, yang kedua atau beberapa kali sa-hingga kita sama² tahu. Saya sendiri pun sampai besok pagi-nya itu baharu sah mendengar daripada warta berita padahal ini hal² istimewa, saya rasa, tentu-lah daripada Jabatan Radio ini dapat menerangkan lebeh jelas lagi dan saya minta kapada Menteri yang berkenaan supaya dapat membanyakkan lagi berita² dalam negeri kita dan kalau ada hubongan berita² yang ada hubongan dengan negeri kita kepentingan negeri kita baharu-lah di-champorkan dengan hal soal luar atau pun soal² yang ada kaitan dengan keadaan kita, kadang² tidak ada langsong berkaitan pun ada di-siarkan di-sini.

Jadi sa-lain daripada itu, saya suka masok ka-dalam hal talivishen. Tadi sahabat saya daripada Bagan Datoh mengatakan bahawa di-Melaka memang mewah sangat-lah hal talivishen ini telah sampai ka-merata² tempat, merata pelusok tiap² Balai Raya, Bilek Bachaan semua-nya ada dan salah satu daripada aluan bagi pehak saya atau pun kawan² saya ketika kita dapat mengadakan perkhidmatan talivishen ini dahulu ia-itu kita menaroh minat bahawa talivishen ini sa-lain daripada kita hendak menyiarkan kita membawa hiboran kita mesti-lah banyak menyiarkan hal² pendidekan. Jadi kalau saya ikuti apa yang ada dalam talivishen sekarang ini nampak saya tidak-lah banyak menchongkel atau pun mengeluarkan perkara² yang dapat di-minati sunggoh² dan mendidek jiwa ra'ayat yang menunton talivishen ini daripada sa-panjang masa, dan kebanyakan hetong panjang kalau dalam sa-hari kalau kita ikuti perkara² yang di-siarkan oleh talivishen ini hiboran-nya lebeh peratus daripada benda² yang boleh di-ikuti menjadi pengajaran kapada ra'ayat.

Mithal-nya, saya tunjokkan kapada Tuan Pengerusi, perkara² yang besar terutama hal dalam minggu ini atau pun "Dunia di-Sana Sini" hanya beberapa minit, umpama Dunia di-Sana Sini 12 minit di-siarkan, perkara² yang betul berlaku yang hendak di-gambarkan atau hendak di-terangkan kapada ra'ayat kalau kita bandingkan dengan

maka pehak Talivishen akan berusaha-lah untok mendapatkan peruntokan yang lebeh banyak untok mengatasi perkara itu. Mari-lah kita sama² berdo'a.

Berkenaan dengan pandangan² soal berbagai² perkara memperhebatkan revolusi mental yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar, dan lain² perkara lagi itu semua-nya saya kata pandangan yang membena dan sama² hendak di-laksanakan, jadi terima kaseh banyak-lah dan di-ambil ingatan dan akan saya kemukakan kapada Kementerian yang berkenaan.

Ada satu pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, ia-itu berkenaan dengan kursus tata ra'ayat. Sa-benar-nya Pusat Tata Ra'ayat telah di-binchang dalam perbelanjaan biasa dan satu bangunan baharu akan di-sewa di-Jalan Ampang dan pusat ter-sebut akan mulaï di-buka sa-mula bagi mengadakan kursus² civic.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Lipis di-atas Kementerian Kebudayaan mengenaï Muzium, sa-benar-nya tidak-lah niat pehak kita hendak sama ada hendak merendah²kan soal patong Swettenham yang di-ambil atau pun yang di-buang oleh Kerajaan Negeri daripada Jabatan Setia-usaha Kerajaan ka-belakang Muzium itu, tetapi untok menem-patkan patong itu ka-dalam Muzium tidak-lah dapat, oleh kerana patong itu terlampau berat, beberapa ribu paun, dan jadi foundation muzium itu tidak-lah dapat menerima keberatan patong itu; hendak pula di-adakan rumah atas kechil, saya rasa tidak menasabah kerana sa-panjang yang kita tahu pula, patong itu sa-waktu dudok di-Secretariat itu dahulu pun tidak beratap boleh dudok dengan hujan dan panas, dan patong itu tidak bernyawa, jadi, tidak membimbangkan dan saya rasa tidak perkara itu payah kita risau-kan sangat.

Berkenaan dengan hendak menchan-tumkan pula Pasokan Bersenjata de-ngan pehak Muzium Negara, ini ia-lah satu pandangan yang baik, akan tetapi saya rasa bagaimana di-ketahuï me-mang-lah sa-suatu institiut itu biasa-nya mengadakan satu simpanan barang² yang mengenaï mereka. Jadi, saperti pasokan Anggota Polis, Pasokan Ber-senjata Askar, ada mempunyaï barang² yang bersejarah yang di-simpan oleh mereka untok menjadi kemegahan kapada mereka. Jikalau kita mengambil barang² itu di-bawa ka-Muzium tentu-lah saya rasa tidak patut kapada paso-kan² bersenjata, kechuali kalau-lah pula ada barang² yang sama yang boleh di-simpan barangkali pehak Muzium akan chuba menyimpankan-nya. Jadi, per-kara ini saya menguchapkan terima kaseh-lah tetapi bagi sementara itu-lah kedudokan-nya. Jikalau di-agakkan prektikal ada barang yang sama boleh di-buat, di-chuba-lah membuat-nya.

Sakian-lah, Tuan Pengerusi, dan bagi pehak Menteri Penerangan saya mengu-chapkan terima kaseh banyak-lah kapada pandangan yang di-beri itu.

Masaalah di-kemuka bagi di-putus-kan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $13,608,176 untok Kepala 106, $567,622 untok Kepala 107, $783,540 untok Kepala 108, dan $1,545,000 untok Kepala 118 di-setuju-kan jadi sa-bahagian daripada Angga-ran Pembangunan, 1969.

**Tuan Pengerusi:** Sa-belum kita mem-bahathkan lagi satu Kepala, saya suka mengingatkan kapada Ahli² Yang Berhormat masa-nya sekarang sudah suntok; jadi, kalau ada perkara yang berkehendakkan perbahathan yang pan-jang tolong-lah pendekkan sadikit.

*Kepala² 109, 110, 111, 112, 113 dan 114—*

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh):** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya akan kemukakan Kepala² 109, 110, 111, 112, 113 dan 114 bersama².

*Kepala 109—*

*Pechahan-kepala 1—Sekolah Pusat Latehan Bomba—$400,000*

Peruntokan sa-jumlah $400,000 ada-lah di-untokkan kerana membayar perbelanjaan terhadap pembenaan pe-ringkat pertama Sekolah Pusat Latehan

Bomba yang baharu yang akan di-tempatkan di-Kuala Kubu Bharu. Pusat Latehan ini akan menggantikan bangunan² sementara di-Gombak, Kuala Lumpur, yang pada masa ini di-gunakan oleh Perkhidmatan Bomba yang di-dapati tidak mempunyaï kemudahan² latehan yang chukup terutama sa-kali jika memandangkan kapada pembangunan perusahaan dan bertambah-nya perkhidmatan² udara negara kita. Pusat Latehan yang baharu ini akan mempunyaï kemudahan² moden untok memberi latehan yang sempurna kapada anggota dalam perkhidmatan bomba di-seluroh negara dalam melawan api dan menchegah kebakaran. Perlu-lah di-ambil perhatian bahawa jumlah perbelanjaan yang di-anggarkan untok projek ini ada-lah sa-banyak $900,000.

*Pechahan-kepala 2—Pemberian untok Projek² dalam kawasan² bandar—$1,000,000.*

Pehak Kementerian telah menerima banyak permintaan untok mendapatkan wang bantuan bagi projek² kechil dalam kawasan² penguasa tempatan khusus-nya Majlis² Tempatan sama ada melaluï Kerajaan² Negeri, Wakil² Ra'ayat atau terus daripada pehak² Penguasa Tempatan sendiri. Peruntokan yang berjumlah sa-banyak $1,000,000 telah pun di-sediakan bagi tahun 1969 bagi membolehkan Kementerian ini memberi bantuan kapada Penguasa² Tempatan guna melaksanakan projek² pembangunan. Projek² ini biasa-nya berupa jalan² raya dan jambatan, parit dan kelubong, memasang serta menyambong bekalan api letrik, pasar² dan gerai², memperbaiki kemudahan² kesihatan 'awam, kemudahan² kesokanan, kemudahan² bekalan ayer, dewan² dan pusat² orang ramai dan juga lain² projek guna memperbaiki bandar. Mengikut dasar baharu Kementerian ini, keutamaan akan di-berikan kapada projek² kechil yang mustahak yang berharga kurang daripada $5,000 yang di-jalankan dengan asas gotong-royong. Tujuan berbuat demikian ia-lah untok menggalakkan ra'ayat mengambil bahagian dalam pembangunan kechil sa-tempat.

*Pechahan-kepala 6—Pasar Alor Star—$500,000 (wang pinjaman).*

Peruntokan sa-banyak $500,000 telah di-untokkan sa-bagai wang pinjaman kapada Kerajaan Negeri Kedah guna membena sa-buah pasar baharu di-Alor Star. Pasar yang lama itu di-dapati tidak-lah sesuai lagi bagi keperluan bandar Alor Star. Surat Perjanjian Pinjaman itu telah pun di-tandatangani dan projek ini ada-lah di-jangka akan dapat di-siapkan pada akhir tahun ini.

*Pechahan-kepala 7—Bantuan membena Dewan Sri Pinang—$500,000.*

Peruntokan yang berjumlah sa-banyak $500,000 telah di-untokkan bagi tahun 1969 ini sa-bagai bantuan pertama daripada wang pemberian sa-banyak $1,000,000 kapada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untok membena Dewan Sri Pinang itu.

*Pechahan-kepala 8—Dewan² Bandaran, Kelantan—$200,000.*

Peruntokan sa-banyak $200,000 telah di-sediakan sa-bagai wang bantuan untok membena 2 buah Dewan di-Pasir Mas dan Kuala Krai dengan perbelanjaan sa-banyak $100,000 sa-buah.

*Pechahan-kepala 9—Pasar Pasir Mas, Kelantan—$300,000 (wang pinjaman).*

Wang pinjaman sa-banyak $400,000 telah di-luluskan untok membena sa-buah pasar baharu di-Pasir Mas. Wang sa-banyak $300,000 yang di-untokkan bagi tahun ini akan di-berikan bagi membolehkan projek ini di-mulakan.

*Kepala 110—Perumahan Pechahan-kepala 1—Ranchangan Rumah Murah.*

Peruntokan sa-banyak $35,000,000 telah di-untokkan bagi projek² rumah murah dalam tahun 1968. Angka ini ada-lah jauh kurang-nya daripada yang di-minta oleh Kementerian ini dan ini chuma dapat di-gunakan untok meneruskan projek² yang belum siap dan malahan ini pun harus tidak akan menchukopi sa-kira-nya pembenaan projek² ini berjalan dengan baik tanpa mengalami gangguan yang tidak dapat

di-elakkan. Peruntokan tambahan akan di-minta kelak pada akhir tahun ini memandangkan kemajuan pembenaan-nya.

*Pechahan-kepala 3—Pinjaman kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai² Kerajaan Berhad.*

Sa-lepas menerima hasil penyiasatan Jawatan-kuasa Penyiasat terhadap tudohan berlaku-nya salah pentadbiran dan kechurangan di-dalam Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai² Kerajaan Berhad itu, maka pehak Kerajaan telah melantek sa-buah Jawatan-kuasa Pegawai² untok mengambil aleh dan bertanggong-jawab bagi menyelesaikan ranchangan² Sharikat Kerjasama yang di-dapati pembenaan-nya itu telah di-mulakan tetapi dalam keadaan yang terbengkalai. Jumlah wang sa-benar-nya yang di-perlukan untok menyelesaikan ranchangan² tersebut maseh lagi belum dapat di-pastikan. Akan tetapi peruntokan sa-banyak $3 juta telah di-masokkan oleh pehak Kerajaan bagi tahun 1969 ini dan wang ini akan di-gunakan oleh pehak Jawatan-kuasa itu sa-bagai wang pinjaman untok membuat pembayaran² yang di-fikirkan perlu dalam tahun 1969 sa-hingga-lah ranchangan² itu siap kelak.

*Kepala 112—Majlis Bandar Raya Georgetown, Pulau Pinang.*

*Pechahan-kepala 1—Tambahan Kepala Saloran Najis, Bandar Georgetown—$500,000 (wang pinjaman)*

Wang sa-banyak $500,000 yang telah di-untokkan bagi tahun ini ia-lah untok membuat pembayaran yang ke-empat dari lima pembayaran yang sama banyak-nya daripada wang pinjaman yang berjumlah sa-banyak $2.5 juta di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama untok melaksanakan ranchangan² saloran najis dan juga membena saloran bagi kawasan² yang maseh belum di-pasangkan saloran² dalam kawasan Majlis Bandar Raya itu. Tujuan akhir-nya ia-lah untok memperluaskan saloran najis ini kapada semua jalan dalam bandar raya itu.

*Kepala 113—Ibu Kota Kuala Lumpur.*
*Pechahan-kepala 1—Pejabat² Majlis Perbandaran—$1,000,000 (wang pinjaman).*

With regard to the Honourable Member's comment on street lighting (this has also been touched on by a number of other Honourable Members of this House) with the limited funds available, the Municipality in Kuala Lumpur is improving the street lighting of Kuala Lumpur not only for the main roads but also for the residential areas and kampong roads maintained by the Pesurohjaya Ibu Kota. It is now the policy of the Pesurohjaya Ibu Kota to insist on the developers of private properties to provide street lighting before taking over the maintenance of the roads by the Municipality itself.

Next, I come to the Honourable Member from Sarawak, who touched upon the low-cost housing in Sarawak. I think, despite the many announcements made in the past, many still do not appreciate that there is a distinct difference between the crash programme and the ordinary housing programme. As I said just now, housing is, in fact, a State matter and we try to help the State as far as possible in doing the housing programme, and that falls under what we call the ordinary policy in respect of which we will entertain all bids from the State for any number of houses. As far as Sarawak is concerned, my Ministry had already approved 300

units some three years ago at Tanjong Tawar in Kuching under the ordinary policy, but I am afraid that this offer was not taken up for various reasons. During my last two visits to Kuching, I have reiterated that my Ministry is willing to reconsider any schemes of any size, provided that these schemes have been proposed with the necessary data as to land, the demand, etc. from the State Government, and this will fall under the responsibility of the State Government, but funds will be provided by the Central Government. In connection with crash housing programme, this is a standardised programme to supplement the State efforts—I repeatedly stated this before—and this is a crash programme where we use standardised plans and procedures in order to speed things up, and because of that we have been able to achieve 95% of what we set out to do in 1968; and in this respect, we have only two types of 50 and 32 houses per town. The idea is that there should be a housing scheme in every town, so that at least the people will begin to benefit by such housing, because no country can ever build all the houses at one time in all the places. At least, if we start an attempt in every town, that should benefit the people gradually in terms of years and, added to it is the normal scheme put up by the State Government. In this respect, I am afraid that as far as the crash programme is concerned, I am unable to increase more than 50 units in any town in any one year, so that every town will have the benefit of housing.

In my last visit to Kuching, I have given encouragement and assurance to the Minister in charge of Housing there that I would be quite prepared to entertain a bid for anything from 200 to 300 houses in Kuching itself over ten acres of land, which is still available by the side of the crash programme site, which I have already inspected, and in respect of which I have already approved a scheme of 50 houses. It is now a matter for the Sarawak Government to pursue and follow up and, as I stated just now, I will be quite prepared to approve anything between 200 to 300 houses in Kuching itself on the land, which is now already available for use by the State.

Next, I come to the Honourable Member for Krian Laut, who has commented on the average size of the house and also on the design of the house at the back portion. I will deal with the last point first. We, of course, cannot cater for every need of a house dweller, but we can provide him with a roof and the minimum comfort. Touching on minimum comfort, our present standard is based on the recommendation of an expert committee consisting of doctors, engineers, architects, public health experts, and its findings have been adopted by us for the designing of our houses. In this respect, I would like to inform this House that our minimum standard, which we finalised three years ago, has, in fact, been submitted to the Twentieth International Congress on Planning and Housing in Tokyo, and I would like to inform Honourable Members of this House that our standard, although we may think that it is a minimum standard of 50 square feet per person, is by Asian standard only second to Japan—our standard is only second to Japan—and, therefore, I think the people are very well off with the houses that we are providing them at a cost of barely $3,000 per unit, or in certain places, because of land cost, it is probably slightly more than $3,000. In fact, when I went round to the various countries, people I met were surprised at the cost of houses being built in this country for the lower income group. They were completely amazed at the extent at which we have been able to reduce the cost of low-cost housing in this country; and in this respect, I would urge the Honourable Member to understand that the idea is to build as many houses as possible with a reasonable amount of comfort and amenities—and of course, we cannot cater for every need. But in respect of this particular aspect of the kitchen, I can tell the Honourable Member that an improvement has already been made in subsequent schemes: there is a wire-netting which would prevent

burglars from getting into the house from the back part of the kitchen, but I am afraid the improvement can only come gradually when we have more money and as we get more experience, and I thank the Honourable Member for drawing my attention to this, in respect of which improvement has already been made. As for the size of the house, as I said just now, we are limited by funds and we would like to give houses to as many people as possible, and so I am afraid I cannot increase the size of the house probably for another five years or so, until we have a review as to the state of housing need in this country. It is only after people have a roof over their heads, then can we start thinking about increasing the size of the house. I know for a fact that many of these people, who have obtained low-cost housing under our housing programme, have been in the past paying sometimes as much as twice what they are paying now for a house which they will eventually own in seventeen years, but whereas in the past they paid as much as twice the amount just for renting a room.

Next, I come to the comments made by the Member for Seberang Utara, who commented on the Central Fire Training School. I agree with quite a lot of the comments that he has passed on this. There is a need for unification and uniformity of fire training in this country and we are still exploring the possibility of bringing about a unified Fire Service. But, as you know, unification of the Fire Service is a very costly item, and even in the United Kingdom it took a war to bring about the unification of the fire services there; but as far as the present situation is concerned, we are, in fact, training volunteers and other people connected with fire fighting in factories and in the industrial sector as to how to handle fire fighting, but this School in respect of which provision has already been approved will go a long way in improving the standard of fire fighting in this country.

The Honourable Member for Seberang Utara also made a request for a grant to renovate their old building into a library. I would suggest that he submit the bid through the local authority, or through the District Officer, to my Ministry and this will certainly be considered in accordance with the merits of the case.

Now, the Honourable Member for Muar Dalam commented on the street lighting around the National Mosque in Kuala Lumpur and street lighting in general around Parliament. The Municipality itself is only responsible for street lighting, and I think street lighting is adequate for these two areas so far as I know. What the Honourable Member refers to may be the flood lighting of these two buildings. I am afraid this will not be the responsibility of the Municipality, and I am afraid this will have to be referred to the respective authorities in charge of these two buildings—the National Mosque and the Parliament House—but, as far as street lighting is concerned, I personally know that the situation is quite adequate at present.

The Honourable Member for Perlis Selatan wanted a grant for the building of a Town Hall, but I suggest that he should submit this bid to the State Government and, if the State Government cannot find the funds for it, this can be channelled, through the State Government, to the Ministry for consideration.

With regard to the allocation of low-cost housing and the various rules and regulations, these rules and regulations have been drawn up with the greatest amount of care, so that these houses, which are highly subsidised by the Federal Government as well as by the State Government in certain respects, must be given fairly to the people who qualify for these houses. Therefore, I am afraid that these rules and regulations must be rigidly adhered to, but in rare cases where there are extenuating circumstances, I have always been able to entertain counter suggestions by the State Governments in respect of certain specific schemes, such as the one suggested by another Honourable Member, i.e. allowing people outside the area to be considered for the

allocation of these houses, where there have been no takers within the Local Council area or the Local Authority area. But this is a matter which the State Government can bring up with my Ministry at the instance of the Honourable Member, if the Honourable Member feels that any particular case deserves a variation of the rules and regulations.

Now, the Member for Muar Utara made a very constructive suggestion that all the rubbish in Kuala Lumpur should be dealt with and made use of. In fact, I think as far back as two years ago, the Pesurohjaya Ibu Kota has taken this up with very keen interest more on the revenue side, with the idea of getting some money out of the rubbish collected in Kuala Lumpur, and finally processing all the rubbish collected in Kuala Lumpur into some raw materials for use. This matter is still being gone into by the Pesurohjaya Ibu Kota, and I can assure the Honourable Member that this has not escaped his attention.

Finally, I have the remarks made by the Honourable Member for Hilir Perak with regard to the inclusion of M.Ps. in the Allocation Committee for the low-cost housing schemes. I always felt that, whereas an M.P. or a State Assemblyman could give a lot of advice indirectly as to the allocation of houses in the low-cost housing schemes, the pros and cons are such that it would be better for them to be actually kept outside this Allocation Committee, purely because of this reason—that no country can ever satisfy all the demands for housing and, whereas the few who finally get the houses will thank the M.P. for it, but the very many who could not get houses on every occasion probably would blame him for not getting it for them, and in that respect, probably, I think it is always better for them to keep out of the actual allocation exercise. But nevertheless, I think there is merit in his suggestion that the M.Ps. and State Assemblymen should be kept fully informed on the allocation, and I think that this is a matter for him to take up with the State Government—that he should be fully kept informed as to the extent of housing development in his constituency, and that he could serve in a sort of advisory capacity in the general policy drawn up. As I commented on another Honourable Member's suggestion just now, where there should be certain deviation from the established rules and regulations, because of local customs, local religious beliefs or local tradition, then by all means I think it is the duty of the M.Ps. and State Assemblymen to take it up with the State Government and, if necessary, take it up with my Ministry, and I will be very pleased to discuss this matter with any M.P. or State Assemblyman. But, as far as the actual sitting on the Allocation Committee is concerned, I myself personally feel that, at this stage of our housing development, it will probably serve him better by not actually committing himself in the actual allocation of the houses.

With regard to another suggestion of his that the housing scheme should not be far away from school, wherever possible, in the planning of the housing schemes under my Ministry, we try with every possible means to reserve a certain amount of land in our extensive housing schemes to provide the necessary land for schools, for welfare amenities within the area where we are building low-cost housing. But, of course, this cannot be done in a smaller scheme such as the crash programme, where we try to get the houses started as quickly as possible and, in some cases, we have managed even to get houses started, built and completed within four to five months from the time a decision is made at the D.O.'s Office, when I went around the country. In those cases, we did even try as far as possible to site such housing schemes as near as possible to public facilities, including school, and I can assure the Honourable Member that this is a factor which is borne in mind by the technical officers of my Ministry.

On the point in that particular case in his constituency, some of the housing schemes have very bad access

roads, this is only a temporary phase. I think it is a question of which should come first, and I know of many cases when I met Wakil² Ra'ayat in the D.O.'s Office, when I went round the country in connection with the crash programme, it has been made very clear to them that if they want to wait for the roads to be completed, if they want to wait for all the good bridges to be completed, it may take them three years before they can get the housing scheme started in that particular constituency. I think some of the Wakil² Ra'ayat have understood it very clearly that we are fully aware that the access roads to this area are not adequate, but nevertheless the Wakil² Ra'ayat felt that it is better to have the houses rather than to wait for three or four years before the State Government could really make a first class access road to the place.

Finally I come to the last point by another Honourable Member with regard to the high rise multi-storeyed buildings in Kuala Lumpur, 14 or 15 storey low-cost flats. Now, I do not think it is quite correct to say that barriers have not been designed to prevent the children from falling. I think this has been gone into very carefully but, of course, there is nothing to prevent anyone from climbing up on the rails and falling. There is nothing we can do to prevent this; but here again, the question is, are we going to give these people some low-cost housing, so that they can afford, so that they can have all the modern facilities? And the high-rise building has been one of the solutions which has been adopted throughout all parts of the world. I am afraid that there is nothing we can do to make everything fool-proof and in fact recently while I was in New York, I heard this shocking report of about six or seven children being burnt alive when the parents just left the house for a few minutes, and they had the house burnt down. These are the things which I do not think any Government can cater for, and I think the parents must have a certain amount of responsibility, more so in this particular case, when the Government has already gone out of the way to a very great extent in making housing cheaper for them and with modern amenities; and I think it is not too much to ask the people to contribute a certain amount of responsibility and care in looking after the children, and I do not think any Government can cater for or look after their people with 100% benefit as that is something I do not think it is possible to do. I think it is the duty of every Wakil Ra'ayat in this country to instil in the people that there should be a certain amount of responsible thinking in this direction, because very often I had such complaints from the people. I had on one instance when I visited a housing scheme in Kedah asked a lady, "How much rent have you been paying before you got into this house?" She said, "I paid $45 per month." I said, "What did you get?" She said, "One small room". When I asked about the kitchen, she said, "No, we shared the kitchen with about 12 families". Then I asked, "Well, how do you like this house, how much you are paying for this house?" She said, "$15". I said, "This belongs to you after 17 years and do you like it?" She said, "No, I do not like it, the kitchen is too small, the bath-room is too small, I think the bed-room is too small"—whereas she paid twice the amount of rent or three times the rent for a room as small as the bed-room with no individual facilities. I think all the Wakil² Ra'ayat should have a certain amount of responsibility in telling the people that they are fortunate to get this low-cost housing and not to think that they can get everything they want, and that they should not get into the tendency of having got something to start complaining that they did not get another thing—and some even query why should they pay the rent; Wakil² Ra'ayat should also tell them that no Government can go on giving them houses free. I think this is the duty of all Wakil² Ra'ayat and they should take an active responsibility in explaining to the people how fortunate they are, especially when we look around the world and see

the extent of the social services being provided by the Alliance Government in this country. Thank you, Sir.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak $2,100,020 dan $800,000 untok Kepala 109, $38,000,010 untok Kepala 110, $20 untok Kepala 111, $500,000 untok Kepala 112, $2,450,010 untok Kepala 113, dan $455,000 untok Kepala 114, di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan 1969.

*Kepala 115 dan 116—*

**Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya suka mengambil kedua² Kepala 115 dan 116 dua² sa-kali, ia-itu:

| | |
|---|---|
| Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia yang di-khaskan sa-banyak dan | $28,700,000 |
| Kepala 116—Imigeresen yang di-khaskan sa-banyak | 626,010 |
| Jumlah | 29,326,010 |

Jabatan² yang lain di-bawah naungan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak ada Ranchangan Pembangunan.

Jika di-bandingkan dengan peruntokan pada tahun lepas bagi kedua² Jabatan ini maka di-dapati bahawa peruntokan bagi tahun 1969 ada-lah berlebehan sa-banyak $8,592,980.

Berkenaan dengan Kepala 115—Polis di-Raja Malaysia, Ahli² Yang Berhormat akan mengambil perhatian bahawa peruntokan yang di-perolehi dalam tahun 1968 ia-lah sa-banyak $20,500,000 di-bandingkan dengan sa-banyak $28,700,000 bagi tahun 1969. Kelebehan tersebut dalam kadar peratusan ia-lah 40%. Sunggoh pun demikian sa-jumlah yang di-untokkan itu ia-lah kira² 1/5 daripada jumlah yang di-anggapkan bagi jangka masa lima tahun pembangunan 1966-70 untok Polis di-Raja Malaysia.

Pada tahun lepas peruntokan di-hadkan 'am-nya untok membiayaï kerja² yang telah terikat atau pun contractual dan sadikit sahaja daripada peruntokan itu yang di-khaskan bagi kerja² mustahak yang tidak dapat di-tanggohkan. Sunggoh pun demikian dapat jua Jabatan Polis menyiapkan dari jumlah wang itu akan sa-buah Balai Polis Besar, 3 buah Balai Polis Kechil, 4 buah Pondok Polis dan 317 buah rumah² anggota.

Dengan di-adakan tambahan kapada peruntokan dalam tahun 1969 maka ada-lah di-harapkan bahawa projek² yang terpaksa di-tanggohkan dalam masa lampau dapat di-teruskan sekarang. Mengikut kaedah keutamaan² peruntokan sa-banyak $28,700,00 bagi tahun 1969 di-bahagikan saperti berikut:

| *Perkara* | *Peratusan Peruntokan* | *$* |
|---|---|---|
| (*a*) Rumah ... ... | 61.23% | 17,571,100 |
| (*b*) Alat Kelengkapan | 18.24% | 5,233,432 |
| (*c*) Pejabat ... ... | 7.33% | 2,101,160 |
| (*d*) Balai² Polis ... | 5.00% | 1,435,000 |
| (*e*) Bidang² Tanah ... | 4.52% | 1,299,000 |
| (*f*) Memperelokkan pejabat² dan rumah² | 2.00% | 575,788 |
| (*g*) Pengkalan Polis Laut | .96% | 274,500 |
| (*h*) Bengkel Pengangkutan | .45% | 130,010 |
| (*i*) Padang Tembak | .17% | 50,010 |
| (*j*) Perjalanan dan Pengangkutan | .10% | 30,000 |
| | 100% | $28,700,000 |

Daripada ma'alumat² yang saya berikan tadi, Ahli² Yang Berhormat akan mengambil perhatian ia-itu dalam usaha² pembangunan Pasokan Polis Di-Raja, keutamaan ada-lah di-beri untok membena rumah² bagi anggota² Polis terutama-nya anggota² Polis yang berpangkat rendah. Ini ada-lah berdasarkan keinginan Kerajaan hendak memperelokkan kehidupan mereka. Ketika ini di-mereta² Malaysia banyak lagi anggota² yang tidak berumah dan menghadapi banyak kesulitan. Untok mengatasi kesulitan² mereka itu maka kira² $17,571,100 ia-itu sa-bagaimana yang di-nyatakan

tadi 61.23% dari jumlah wang peruntokan tahun ini di-tumpukan kapada projek perumahan dan sa-kira-nya tidak terbit apa² halangan sa-jumlah 1,210 rumah Rank dan File dan 117 buah rumah² pegawai akan di-bena pada tahun ini.

Lagi satu peruntokan yang besar di-khaskan ia-lah bagi Alat² kelengkapan bagi Pechahan-kepala 61-65 yang di-jangka akan memakan perbelanjaan lebeh kurang sa-banyak 5 juta. Sa-paroh daripada-nya di-khaskan bagi perahu² lanchi Polis (Police launches) ia-itu sa-banyak $2,500,000. Pada tahun 1969 ada-lah di-harapkan memulaï pembenaan 4 lanchi jenis kelas P×85′, 6 lanchi kelas PA—45′ dan 3 buah lagi kelas PC—36′. Lanchi² tersebut ada-lah di-kehendaki bagi menggantikan lanchi² yang lama serta juga meneruskan ranchangan lanchi² baru berdasarkan kelengkapan yang di-kehendaki bagi Polis Laut untok menchegah penyeludupan dan meronda pantai² Malaysia, sa-bagaimana saya telah terangkan pada masa saya mengemukakan tambahan kakitangan Polis Laut dalam Anggaran Biasa tahun 1969.

Peruntokan yang baki bagi alat² ia-lah sa-banyak $1,400,000 untok pembelian Senjata² Api dan peluru², $797,838 bagi alat² perhubongan² radio Polis, $499,000 bagi pembelian kereta² motor dan juga sa-banyak $36,594 bagi membeli lagi 6 ekor anjing bagi Pasokan Polis Beranjing.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada perkara² yang saya nyatakan tadi saya suka memberi tahu Dewan ini ia-itu melainkan anggota² Polis yang tiada berumah Kerajaan, kebanyakan rumah² yang ada sekarang ini pun telah lapok dan tidak sa-imbang dengan taraf kehidupan orang² mendudoki-nya. Oleh itu rumah² yang kurang baik itu sa-patut-nya di-gantikan dengan rumah² dan bangunan² jenis kekal serta moden. Bagitu juga keadaan kebanyakan Balai² dan Pejabat² Polis. Sudah tentu kesemua-nya ini akan memakan jutaan ringgit jika hendak di-dirikan dengan serentak. Oleh yang demikian projek² ranchangan itu di-majukan mengikut keutamaan kepentingan dan ada-lah di-harapkan ia-itu pada satu masa hadapan chita² Kementerian ini bagi mengatasi semua kesusahan anggota Polis dapat di-chapai dengan jaya-nya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Kepala 116 pula ia-itu Jabatan Imigeresen, sa-banyak $626,010 telah di-pohon untok tahun 1969. Peruntokan tersebut ini di-bahagikan $546,010 untok Malaysia Barat dan $80,000 bagi Negeri Sabah. Peruntokan yang besar sa-kali bagi jabatan ini ia-lah sa-banyak $326,000 untok Pechahan-kepala 4—Pejabat² dan Rumah² Kediaman. Wang sa-banyak ini ia-lah untok menyempurnakan benaan 6 buah rumah kakitangan di-Kuala Perlis, sa-buah Pejabat dan rumah di-Tumpat. Sa-lain daripada itu 12 buah rumah akan di-dirikan di-Padang Besar di-mana rumah² yang ada sekarang ada-lah di-dalam keadaan yang burok dan kurang sesuai bagi Pegawai Imigeresen.

Di-sini juga lagi 6 buah rumah akan di-dirikan bersama² dengan ranchangan membena Tempat Pemereksaan Imigeresen saperti di-tunjokkan di-Pechahan-kepala 5 di-mana $170,000 di-untokkan. Ahli² Yang Berhormat akan mengambil perhatian bahawa $50,000 di-khaskan di-Pechahan-kepala 2 untok membaharukan dan meminda rumah² kediaman pegawai di-Pulau Pinang. Rumah² yang sekarang tidak sa-imbang dengan taraf pegawai² yang mendudoki dalam-nya dan telah di-chadangkan supaya bilek² tambahan di-adakan dalam rumah² itu.

Di-Sabah pula, Tuan Pengerusi, dua buah Pejabat Imigeresen hendak di-dirikan di-Lahad Datu dan Kudat untok memereksa pelawat² ka-negeri ini. Tuan Pengerusi, tugas² Pejabat Imigeresen ada-lah sa-makin bertambah banyak memandangkan bertambah bilangan pelawat² yang mengunjogi negeri ini di-samping itu pejabat ini juga berhubong rapat, bertanggong-jawab bersama² dengan Kementerian

Perdagangan dan Perusahaan menguruskan pelaksanaan dasar Malayanisation yang telah di-tugaskan kapada Kerajaan di-kalangan perusahaan dan perdagangan. Berthabit dengan masa-'alah ini saya suka-lah memberi sadikit penjelasan kalau boleh tentang kenyataan yang telah di-keluarkan oleh Yang Berhormat dari Batu pagi tadi mengatakan tidak sa-orang warga negara pun yang bertugas dalam satu sharikat yang bermana Sharikat Beecham. Ini ada-lah kenyataan bukan sahaja tidak betul sama sa-kali tetapi ada-lah kenyataan saya fikir tidak bertanggong-jawab kerana sa-lepas perkara ini timbul penyiasatan telah saya buat dan saya dapati di-sharikat ini ada 6 orang warga negara yang menyandang jawatan pegawai yang tinggi atau pun executive appointment di-dalam sharikat ini. Jadi saya minta-lah kapada Ahli Yang Berhormat itu supaya sa-belum membangkitkan satu perkara yang 'am di-sini menyiasati sa-halus²-nya akan fact²-nya perkara butir²-nya sa-belum membuat satu tudohan di-dalam Dewan ini. Ini ada-lah sa-chochok atau in conformity dengan dasar² Kerajaan dan dengan pengakuan sharikat ini dan sharikat² lain juga supaya mematohi dasar kerajaan tentang memelayanaiskan jawatan² di-sharikat² perniagaan dengan sechepat mungkin yang boleh. Tuan Pengerusi, demikian-lah saya mengusulkan. Terima kaseh.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin:** Tuan Pengerusi, saya pada petang ini mengambil peluang yang pendek sahaja bagi membahathkan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Dalam Negeri.

Pertama saya menyampaikan uchapan tahniah kapada ahli² polis melaluï Rumah yang mulia ini atas kesabaran dan khidmatan mereka yang sangat tinggi kapada negara. Dan dalam Dewan ini sendiri dengan jelas dan nyata bahawa Menteri Yang Berhormat telah pun menyatakan akan membaiki nasib mereka itu bukan sahaja tentang gaji dan juga tentang kebajikan rumah dan tempat tinggal-nya. Hanya satu saya suka hendak menyatakan, Tuan Pengerusi, masaalah kebajikan anak² polis, kita tahu bahawa polis di-negara kita ada mempunyaï sa-buah sharikat kerjasama yang sangat kaya dalam rantau kita ini mempunyaï berpuloh² melion ringgit. Jadi, kesulitan yang di-hadapi oleh polis rendah khas-nya ia-lah tentang menempatkan anak mereka untok belajar. Dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri kalau boleh menimbangkan bukan sahaja masaalah pada sharikat ini tetapi Kerajaan sendiri bagi mengadakan hostel untok anak² polis ditanah ayer kita sekarang ini.

Pada hari ini, Tuan Pengerusi, masaalah penukaran polis telah mendapat pertimbangan daripada Kerajaan jadi mana² polis yang ada mempunyaï anak yang sedang belajar di-sekolah² sama ada sekolah jenis Kebangsaan atau sekolah Kebangsaan telah dapat pertimbangan mereka tidak di-tukar dengan chepat dari satu tempat ka-satu tempat menimbangkan kapada pelajaran anak²-nya. Apa yang saya bangkitkan, Tuan Pengerusi, ia-lah masaalah menempatkan anak² anggota polis yang baik otak-nya bukan kurang tetapi oleh kerana pendapatan yang kechil tempat tumpangan yang susah jadi kalau sa-kira-nya Kementerian sendiri sama ada berunding dengan pehak sharikat atau pehak Kerajaan sendiri menempat atau mendirikan sa-buah hostel bagi menempatkan anak² mereka maka saya perchaya pehak polis sendiri akan lebeh berterima kaseh dan saya sendiri, bagi pehak polis, di-dalam Dewan ini bersama² berterima kaseh juga, Tuan Pengerusi.

Yang kedua, saya suka supaya Menteri Yang Berhormat mengambil perhatian kapada barek Polis Benta ia-itu yang jauh-nya chuma 20 batu daripada bandar Kuala Lipis. Saya yakin Yang Berhormat Menteri yang ada ini chukup faham dengan balai polis itu. Berek-nya sa-bagaimana yang saya katakan tadi, berek kayu sa-belum perang dahulu sudah hendak di-kondemkan, tapi oleh sebab keadaan kita

berbangkit dengan dharurat berek itu di-gunakan sa-mula. Berek ini tidak bersambong atap di-antara rumah kediaman dengan tempat memasak, kalau musim hujan Ahli² Polis dan ahli², rumah (isteri) terpaksa berlarian atau menggunakan alat yang boleh menedohkan mereka bila mana hendak menggunakan atau menyempurnakan sa-bagai sa-orang ahli rumah tangga. Yang kedua saya sadar bahawa tanggongan dan kewangan Kementerian ini sendiri pun ada terbatas. Saya mengshorkan supaya di-buat tambahan sadikit kerana ahli² polis ini ada mempunyaï bilangan keluarga yang bersama², sa-buah bilek yang anggaran 12 kaki persegi yang di-diami oleh 7 atau 8 keluarga di-dalam sa-buah bilek yang kadang² ada mempunyaï anak yang sudah berumor, saya fikir tidak manis jadi untok hendak mengatasi masaalah ini di-buat tambahan daripada berek yang ada.

Yang kedua berhubong dengan berek ini, Tuan Pengerusi, saya suka nyatakan bahawa banyak lagi berek² polis ini pada sa-tengah² tempat yang maseh berchat hitam, walau pun sa-tengah² tempat ada perubahan bagi membaiki bangunan rumah itu tetapi ada banyak lagi berek² polis yang menggunakan chat² hitam. Saya mohon-lah sa-kiranya pembaharuan dalam membaiki rumah ini termasok-lah mengchatkan rumah yang saya perchaya sunggoh pun ini ada-lah dalam urusan Kementerian Kerja Raya tetapi pehak polis saya fikir tentu-lah boleh menasehatkan memberi pandangan chat yang manasabah dengan sa-buah bangunan atau sa-buah rumah.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, ia-lah muka surat 23 Kepala-kechil 63 Membeli Senjata Api dan Peluru². Pada hari ini maseh kita dapati polis menggunakan senjata yang agak lama, maseh ada lagi kedapatan sa-lain daripada senjata rifle, carbine, sa-lain daripada carbine ia-lah pistol yang sudah lama model-nya jadi saya mengshorkan supaya senjata api yang saya katakan tadi dapat di-baharuï. Senjata² api yang dapat di-gunakan oleh pasokan rendah atau mata² rendah ini-lah yang patut di-perbaiki.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang patut di-timbangkan oleh Kementerian ini ia-lah masaalah tali kulit atau selipang. Sa-panjang yang saya tahu jikalau hari jadi atau hari kera'ian yang besar yang di-gunakan oleh Pegawai² Polis kalau saya tidak silap daripada penerangan saya terima pedang polis bila satu kera'ian di-adakan umpamanya akan di-ambil dari Kuala Lumpur jadi pedang itu chuma ada dua saja, Tuan Pengerusi, selipang kulit itu pun satu daerah saya fikir ada satu sahaja. Jadi, kelengkapan yang sa-machan ini patut sangat-lah di-penohkan. Rahsia ini jarang bochor, Tuan Pengerusi, dan jarang di-bochorkan tetapi untok membaiki kekurangan ini terpaksa di-bochorkan.

Jadi, saya harap-lah kapada Menteri Yang Berhormat ini sa-bagai sa-orang Menteri yang muda yang ada pengalaman sa-kurang²-nya hendak menunjokkan jasa dalam masa dia ada dalam Kementerian ini. Saya minta jangan-lah satu negeri umpama-nya negeri Pahang chuma ada dua pedang yang di-pakai pada masa kera'ian. Jadi, sa-kurang²-nya kita dapat menguntongkan belanja travelling mengambil barang itu dari Kuala Lumpur di-bawa ka-Kuantan umpama-nya kalau daripada dahulu dari Kuala Lipis di-bawah ka-Pekan umpama-nya yang jauh-nya hampir² 400 batu jadi perkara ini patut-lah di-ambil pandangan dan saya harap pandangan saya dapat di-terima baik oleh Menteri Yang Berhormat. Terima kaseh tuan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya turut berchakap di-bawah Kepala 115 berkenaan dengan Polis di-Raja. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Kementerian ini yang telah membuat kenyataan bahawa anggota² polis di-negara kita akan menerima baju uniform atau baju seragam yang baharu.

Tuan Pengerusi, saya tidak nampak peruntokan di-sini tetapi saya perchaya perkara ini boleh di-buat apa yang saya hendak merayu kapada Tuan Pengerusi ia-lah sudah sa-patut-nya, Tuan Pengerusi, uniform atau pun pakaian polis ini di-tukar kapada satu pakaian yang lebeh elok sebab dahulu-nya songkok polis itu bulat dan ada macham bunga di-atas selalu-lah bila anggota polis itu bergurau dia pegang benda itu, terchabut benda itu, kemudian di-ganti pula dengan satu topi yang menudong muka dan topi itu dahulu-nya di-pakai oleh pegawai² yang berpangkat Inspector, 5—6 tahun anggota polis rank and file ini berasa sedap sa-olah² mereka itu pegawai² Inspector yang hendak di-perbaiki tetapi nasib polis itu sendiri hendak di-baiki uniform tetapi yang saya hendak minta ia-lah bukan uniform boleh di-beli tak mahal tetapi gaji atau pun kebajikan mereka itu. Sa-bagaimana yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis tadi kebajikan tentang pelajaran anak² polis yang terpaksa.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Pengerusi, Kepala mana dia chakap berkenaan gaji polis ini. Kepala mana yang dia sebut berkenaan gaji polis ini.

**Tuan Pengerusi:** Nanti saya tanya.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:** Tuan Pengerusi, saya berchakap diatas perkara Kementerian dahulu baru hendak masok Kementerian Polis. Itu preamble, Tuan Pengerusi, jadi yang saya minta, Tuan Pengerusi, ia-lah oleh kerana polis selalu bertukar dengan mengejut dan kita tidak dapat mengelakkan oleh satu² keadaan. Ada pun masaalah rumah, rumah² polis di-kawasan saya, saya rasa di-kawasan lain pun masaalah rumah pintu satu, Tuan Pengerusi, itu yang paling penting daripada rumah yang kechil, rumah yang kechil kalau pintu dua erti-nya di-belakang pun boleh keluar di-hadapan pun boleh keluar ada juga dapat tahan tetapi ada rumah² polis yang pintu-nya boleh masok sahaja keluar tak ada pintu lain di-situ-lah exit di-situ-lah entry. Saya rasa ini tentu-lah tidak patut berlaku dalam sa-buah negara kita yang sudah tamaddun yang sa-macham ini.

Saya tertarek, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pechahan-kepala 65. Pasokan Polis Beranjing $36,594 untok 6 ekor anjing. Saya rasa ini mahal, Tuan Pengerusi, mahal sangat anjing yang macham mana sampai sa-ekor $6,000. Saya rasa anjing ini dalam lima enam ratus, sa-ribu atau sa-ribu paling tinggi ini mahal kalau-lah ada di-sabuah negara mithal-nya barang di-jauhkan Allah berlaku di-negeri kita ini kalau ada wakil ra'ayat boleh di-beli dengan tiga empat ribu erti-nya anjing sa-ekor ini sudah lebeh mahal harga-nya. Jadi ini chukup tinggi harga-nya, Tuan Pengerusi. Dan saya tidak nampak anjing² ini mesti di-ambil daripada luar negeri, padahal anjing² di-Asia sendiri pun boleh di-ajar tidak mesti anjing di-Eropah sahaja. Sebab jenis² anjing kalau saya bacha pula nama² jenis itu maka orang akan hairan pula bagaimana saya bacha istilah² ular pada hari itu jadi saya tinggal-lah jenis² anjing ini.

Peluru, Tuan Pengerusi, saya menunggu² kalau² peluru sudah di-buat di-negeri kita ini tetapi tidak di-buat. Yang susah-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah peluru ini terpaksa-lah mengikut jenis senjata yang kita beli dan senjata² sa-bagaimana yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada Lipis tadi amat-lah lama jenis-nya dan kalau-lah benar senjata carbine itu maseh di-gunakan lagi di-negeri kita ini saya rasa patut besok kita minta potong $1.00 gaji Menteri ini, sebab carbine itu, Tuan Pengerusi, bukan sahaja dalam perkataan biasa lecheh menggunakan-nya, tetapi waktu kita hendak masok peluru itu dengan menggunakan kuku ini pun dia sudah tak payah pakai trigger lagi dia boleh meletup—peluru itu boleh meletup—itu amat bahaya sa-kali. Jadi kalau betul-lah Ahli

Yang Berhormat dari Lipis ini membuat kenyataan ada lagi carbine jenis itu di-gunakan di-negeri ini itu amat-lah mendukachitakan.

Lanchi atau pun launches, saya tersilaf tadi saya memaham ini senjata lunchai, rupa-nya ini lanchi. Perahu[2] atau pun sampan[2] yang bagini, Tuan Pengerusi, saya rasa banyak-lah perkara[2] yang patut di-perhatikan lagi. Saya pernah menaiki bukan lanchi[2] polis tetapi lanchi yang sa-jenis dengan itu. Ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana enjin-nya itu dapat menarek dengan kuat maka kita tidak rasa bahawa capacity atau kekuatan lanchi itu boleh memuat beberapa yang tertentu. Mithal-nya di-waktu dia lari gravity itu kuat.

*Meshuarat bersidang sa-mula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli[2] Yang Berhormat, saya suka-lah hendak memberi tahu ada-lah Jawatan-kuasa bagi Anggaran Pembangunan, 1969 ini sedang membinchangkan Kepala 115 dan 116. Meshuarat di-tanggoh-kan hingga pukul 9.30 esok.

*Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.*